



SOALAN & JAWAPAN

NOVEL PANTAI KASIH
NOVEL BIMASAKTI MENARI

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, huraikan tema dalam novel tersebut.

[7 markah]

PANTAI KASIH

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Tema novel ini adalah tentang ketabahan seorang wanita menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan dalam hidupnya.

Bukti yang pertama ialah peristiwa ketabahan seorang ibu dalam menghadapi kekurangan fizikal anaknya. Raiha tabah menghadapi kekurangan fizikal anak perempuan tunggalnya yang merupakan seorang anak istimewa. Sejak mengetahui keadaan anaknya dalam kandungan, suaminya meminta agar kandungan itu digugurkan, namun Raiha tetap mahu melahirkan anak tersebut walaupun mendapat tentangan daripada suaminya. Doktor Sadiz turut meminta agar Ayu dihantar ke asrama yang mengasuh anak istimewa, namun Raiha bertegas untuk memelihara sendiri dan menghabiskan masa dengan anaknya itu. Kedegilan Raiha menyebabkan suaminya berasa marah dan membakar kereta mewah yang dibawa oleh Raiha untuk melarikan diri bersama Rohayu.

Bukti yang kedua ialah peristiwa ketabahan seorang isteri dalam menghadapi kegagalan rumah tangga. Raiha tabah menghadapi kegagalan rumah tangga dengan Doktor Sadiz. Doktor Sadiz marah kerana Raiha melebihkan perhatian kepada anaknya apabila sudah dilahirkan. Kejadian kematian anaknya akibat disambar api kereta mewah yang sedang marak merupakan kemuncak kemarahan suaminya. Doktor Sadiz menang dalam kes kematian Ayu kerana saksi utama tidak muncul dalam perbicaraan di mahkamah keluarga. Doktor Sadiz melafazkan bahawa dia tidak akan melepaskan Raiha melainkan meninggalkannya gantung tiada bertali sepanjang hayatnya.

BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Tema novel ini adalah tentang kegigihan anak muda dalam usaha melestarikan alam sekitar.

Bukti yang pertama ialah kegigihan anak muda memulihkan populasi kelip-kelip. Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman telah bersatu hati dalam berjuang untuk melestarikan alam sekitar. Mereka cuba memulihkan populasi kelip-kelip dan mengembalikan kegelapan langit di Kuala Selangor sebagai kawasan mencerap bintang. Misalnya, Muhammad Taufik memagar anak sungai supaya kelip-kelip mempunyai tempat untuk bersembunyi. Nurul Hafsa pula menjalankan projek menjadikan Kuala Selangor sebagai Kawasan Langit Gelap untuk mengembalikan populasi kelip-kelip dan kegemilangan Kuala Selangor sebagai pusat kajian falak yang terkenal.

Peristiwa yang kedua ialah kegigihan anak muda untuk mendapatkan sokongan pihak kerajaan terhadap projek mereka. Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman gigih mendapatkan sokongan pihak kerajaan terhadap projek Kawasan Simpan Langit Gelap yang pertama di Asia Tenggara. Nurul Hafsa membentangkan Rancangan Projek Kawasan Simpan Langit Gelap di hadapan Menteri Besar. Hasil kegigihan mereka, Menteri Besar menyokong projek tersebut dan berharap agar kontraktor yang dipilih mampu menyediakan lampu seperti yang dikehendaki.

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan satu peristiwa yang menunjukkan nilai kasih sayang yang terdapat dalam setiap novel tersebut.

[8 markah]

PANTAI KASIH & BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin dan novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat pelbagai peristiwa yang menunjukkan nilai kasih sayang dalam kedua-dua buah novel.

Dalam novel Pantai Kasih, terdapat peristiwa kasih sayang bapa terhadap anak, Raiha. Ayah Doktor Raiha menyayanginya apabila dia menasihati Doktor Raiha supaya tidak memilih Doktor Sadiz sebagai suaminya kerana Doktor Sadiz merupakan seorang yang angkuh dan telah berumur. Raiha yang tetap berdegil dengan keputusannya telah menerima lamaran Doktor Sadiz seorang Pakar Perunding Pembedahan yang merupakan seorang duda beranak dua yang usianya lebih tua daripada usia bapa Raiha. Ayah Doktor Raiha mengingatkan Doktor Raiha agar tidak menyesal dengan keputusan yang dibuatnya nanti.

Peristiwa tentang nilai kasih sayang dalam novel Bimasakti Menari ialah peristiwa kasih sayang Maryam Wickham terhadap anak, Muhammad Taufik. Maryam Wickham Abdullah begitu menyayangi anaknya, Muhammad Taufik. Maryam Wickham meluahkan perasaan sayang dan rindunya kepada Muhammad Taufik semasa dia datang ke rumah Muhammad Taufik. Maryam Wickham juga mengambil berat tentang projek Ikhtiar Teknoalam yang diusahakan oleh anaknya. Ikhtiar Teknoalam ialah sebuah projek pembinaan rumah mesra alam untuk tujuan komersial yang sedang diusahakan oleh Muhammad Taufik. Walaupun dipisahkan oleh benua dan lautan, Maryam Wickham dan Muhammad Taufik mempunyai minat yang sama.

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, huraikan dua latar tempat yang melibatkan watak utama dalam novel tersebut.

[7 markah]

PANTAI KASIH

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat banyak latar tempat yang melibatkan Doktor Raiha dalam novel ini.

Latar tempat yang pertama adalah di Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK). Doktor Raiha telah melakukan pembedahan terhadap Doktor Uwang yang cedera akibat kemalangan dilakukan di PRPK. Kereta Doktor Uwang telah terbabas dan melanggar tembok garaj PRPK. Doktor Uwang yang terhimpit dalam keretanya dibawa ke bilik rawatan kecemasan. Doktor Uwang telah menjalani operasi penggantian sendi pada anggota tubuhnya yang rosak. Akibat kemalangan tersebut, lutut dan sebelah pergelangan tangannya hancur.

Latar tempat yang kedua adalah di mahkamah keluarga. Di sinilah tempat berlakunya perbicaraan kes keluarga antara Doktor Sadiz dan Doktor Raiha berkaitan punca kematian Ayu berlaku di mahkamah keluarga. Di sini jugalah tempat Doktor Sadiz menyatakan bahawa Doktor Raiha akan digantung tanpa bertali sampai bila-bila. Doktor Raiha sedih kerana kemenangan berpihak kepada Doktor Sadiz apabila saksi tidak hadir.

BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat banyak latar tempat yang melibatkan Nurul Hafsa dalam novel ini.

Latar tempat yang pertama adalah di Kampung Kuantan. Hafsa pergi ke Kampung Kuantan bersama-sama ayahnya, Haji Yassir. Nurul Hafsa kecewa apabila impiannya untuk melihat banyak kelip-kelip tidak kesampaian. Setelah menunggu beberapa lama, barulah kelihatan beberapa ekor kelip-kelip muncul. Akhirnya, Nurul Hafsa menerima kenyataan bahawa impiannya untuk melihat kerlipan kelip-kelip secara sinkronasi tidak akan tercapai.

Latar tempat yang kedua adalah di Perpustakaan Awam Sultan Salahuddin, Kuala Selangor. Di sinilah tempat Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman berbincang tentang rancangan membuat projek Kawasan Simpan Langit Gelap dan pada waktu yang sama Budiman menyiapkan tugasannya untuk ijazah sarjana.

- (b) Pengarang mengemukakan beberapa peristiwa keberanian dalam setiap novel. Berdasarkan dua buah novel yang telah anda pelajari, huraikan satu pengajaran tentang keberanian yang terdapat dalam setiap novel tersebut.

[8 markah]

PANTAI KASIH & BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin dan novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat beberapa pengajaran tentang keberanian dalam novel ini.

Dalam novel Pantai Kasih, pengajaran tentang keberanian yang ditonjolkan oleh pengarang ialah kita haruslah berani menuntut keadilan agar kematian orang yang tersayang terbela. Raiha berani menuntut keadilan atas kematian anaknya, Rohayu. Doktor Raiha mempertahankan kebenaran bahawa kematian anak perempuannya adalah disebabkan oleh kesalahan Doktor Sadiz. Sikapnya itu tidak disenangi oleh Doktor Sadiz sehinggakan kes mereka itu berlarutan dan menjejaskan nama baiknya sendiri. Sikapnya itu juga tidak disenangi oleh keluarganya sendiri kerana mempertahankan benang yang basah. Apatah lagi Sister Felicia tidak muncul untuk menjadi saksi di mahkamah sehingga Raiha kalah dalam kes tersebut.

Pengajaran tentang keberanian yang terdapat dalam novel Bimasakti Menari pula ialah kita perlulah berani membuat keputusan demi menyelamatkan orang lain. Muhammad Taufik berani membuat keputusan apabila dia bertindak pergi seorang diri selepas mendapat nota untuk menyelamatkan Nurul Hafsa yang telah diculik oleh orang upahan Dato Johann Arlington-Majid. Muhammad Taufik telah menerima nota agar dia pergi ke stesen PETRONAS pada hari Jumaat jam 8.30 pagi. Nota tersebut dimasukkan dalam jambangan bunga pemberian Nurul Hafsa. Muhammad Taufik turut terkejut apabila melihat kerongsang mutiara berharga RM10.00 kepunyaan Nurul Hafsa tersemat pada selendang tersebut. Setelah keluar dari hospital, Muhammad Taufik meminta ayahnya berhenti di stesen Petronas dengan alasan untuk ke tandas. Namun demikian, Muhammad Taufik telah menuju ke sebuah van putih dan dia akhirnya dia ditarik masuk ke dalam van.

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, jelaskan peristiwa bahagian peleraian yang menarik minat pembaca.

[7 markah]

PANTAI KASIH

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat beberapa peristiwa pada bahagian peleraian yang boleh menarik minat pembaca.

Peristiwa pada bahagian peleraian yang pertama ialah peristiwa Doktor Raiha bertanggungjawab membedah Doktor Uwang setelah beliau terlibat dalam kemalangan iaitu terlanggar tembok garaj kereta Pusat Rawatan Pantai Kasih. Pembedahan harus dilakukan segera bagi menyelamatkan nyawa Doktor Uwang dan menggantikan sendi pada lutut dan sebelah pergelangan tangannya yang parah. Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana Doktor Raiha sentiasa bertanggungjawab terhadap tugasnya sebagai seorang doktor.

Peristiwa pada bahagian peleraian yang kedua ialah peristiwa Doktor Raiha yang telah mengusap dahi Felicia Landosi sambil tersenyum dan menasihatinya. Doktor Raiha bersedia memaafkan Felicia Landosi dan menerima semua takdir itu dengan menyatakan bahawa mereka merupakan mangsa keadaan. Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana Doktor Raiha telah memaafkan kesilapan Felicia Landosi dan beliau pasrah menerima takdir hidupnya.

BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat beberapa peristiwa pada bahagian peleraian dalam novel ini.

Peristiwa pada bahagian peleraian yang pertama ialah peristiwa seorang penduduk tempatan telah membuat aduan tentang aktiviti bukan perladangan di sebuah ladang kelapa sawit yang terletak jauh di pedalaman Bestari Jaya. Pasukan Gerak Khas telah diarahkan ke lokasi tersebut untuk mengadakan serbuan dan tangkapan. Selepas berbalas tembakan, Muhammad Taufik berjaya diselamatkan. Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana wujudnya kerjasama daripada penduduk setempat dengan pihak polis sehingga berjaya menyelamatkan Muhammad Taufik.

Peristiwa pada bahagian peleraian yang kedua ialah peristiwa Muhammad Taufik meluahkan isi hatinya terhadap Nurul Hafsa. Dia telah mengembalikan selendang hitam manik kristal yang disimpannya semenjak hari pertama dia mengetahui Nurul Hafsa diculik. Muhammad Taufik menyampaikan hasratnya untuk menghantar rombongan lamaran ke kediaman orang tua Nurul Hafsa. Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana pada akhir cerita, Muhammad Taufik dan Nurul Hafsa akan berkahwin.

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang telah anda pelajari, huraikan satu pengajaran tentang hormat- menghormati bagi setiap novel.

[8 markah]

PANTAI KASIH & BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin dan novel novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat banyak pengajaran tentang hormat-menghormati dalam kedua-dua buah novel tersebut.

Pengajaran tentang hormat-menghormati dalam novel Pantai Kasih ialah kita hendaklah menghormati pasangan hidup masing-masing agar rumah tangga bahagia. Doktor Sadiz tidak menghormati kehendak Doktor Raiha apabila isterinya mahu meneruskan kandungannya yang cacat. Dia juga mahu menghantar anaknya ke pusat rawatan khas bagi kanak-kanak yang mengalami sindrom Down, sedangkan Doktor Raiha mahu menjaga anaknya sendiri.

Pengajaran tentang hormat-menghormati dalam novel Bimasakti Menari ialah kita mestilah menghormati orang yang lebih tua agar hidup diberkati Tuhan. Nurul Hafsa dan Budiman sanggup menunggu kepulangan ayahnya untuk menikmati hidangan tengah hari bersama. Begitu juga dengan Budiman yang sanggup menahan lapar semata-mata untuk menunggu ayahnya pulang dari kebun.

- a) Berdasarkan yang novel anda pelajari, jelaskan dua latar tempat yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 markah]

PANTAI KASIH

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat banyak latar tempat dalam novel ini.

Latar tempat yang pertama adalah di Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK). Doktor Raiha telah melakukan pembedahan terhadap Doktor Uwang yang cedera akibat kemalangan dilakukan di PRPK. Kereta Doktor Uwang telah terbabas dan melanggar tembok garaj PRPK. Doktor Uwang yang terhimpit dalam keretanya dibawa ke bilik rawatan kecemasan. Doktor Uwang telah menjalani operasi penggantian sendi pada anggota tubuhnya yang rosak. Akibat kemalangan tersebut, lutut dan sebelah pergelangan tangannya hancur.

Latar tempat yang kedua adalah di mahkamah keluarga. Di sinilah tempat berlakunya perbicaraan kes keluarga antara Doktor Sadiz dan Doktor Raiha berkaitan punca kematian Ayu berlaku di mahkamah keluarga. Di sini jugalah tempat Doktor Sadiz menyatakan bahawa Doktor Raiha akan digantung tanpa bertali sampai bila-bila. Doktor Raiha sedih kerana kemenangan berpihak kepada Doktor Sadiz apabila saksi tidak hadir.

BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat banyak latar tempat dalam novel ini. Latar tempat yang pertama adalah di Kampung Kuantan. Nurul Hafsa pergi ke Kampung Kuantan bersama-sama ayahnya, Haji Yassir. Nurul Hafsa kecewa apabila impiannya untuk melihat banyak kelip-kelip tidak kesampaian. Setelah menunggu beberapa lama, barulah kelihatan beberapa ekor kelip-kelip muncul. Akhirnya, Nurul Hafsa menerima kenyataan bahawa impiannya untuk melihat kerlipan kelip-kelip secara sinkronasi tidak akan tercapai.

Latar tempat yang kedua adalah di Perpustakaan Awam Sultan Salahuddin, Kuala Selangor. Di sinilah tempat Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman berbincang tentang rancangan membuat projek Kawasan Simpan Langit Gelap dan pada waktu yang sama Budiman menyiapkan tugasannya untuk ijazah sarjana.

- (b) Setiap novel mempunyai plot yang pastinya mampu menarik perhatian para pembaca. Huraikan peleraian dalam dua buah novel yang telah anda kaji.
[8 markah]

PANTAI KASIH & BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin dan novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop.

Peleraian dalam novel Pantai Kasih ialah peristiwa penyesalan atas tindakan menjadi budak suruhan. Felicia Landosi memohon maaf daripada Raiha atas penglibatan dirinya menjadi budak suruhan membeli minyak petrol oleh Doktor Sadiz yang akhirnya berjaya menjejaki Raiha dan menjadi saksi apabila Doktor Sadiz melepaskan geram dengan membakar kereta itu sendiri. Dia sendiri terkejut apabila secara tiba-tiba anak Raiha muncul di situ dan langsung disambar api dan dia turut menyatakan bahawa sewaktu di mahkamah dia tidak tampil sebagai saksi kerana takut. Raiha akhirnya tersedar bahawa mereka ialah mangsa keadaan.

Peleraian dalam novel Bimasakti Menari ialah peristiwa luahan isi hati. Muhammad Taufik meluahkan isi hatinya terhadap Nurul Hafsa. Dia telah mengembalikan selendang hitam manik kristal yang disimpannya semenjak hari pertama dia mengetahui Nurul Hafsa diculik. Muhammad Taufik menyampaikan hasratnya untuk menghantar rombongan lamaran ke kediaman orang tua Nurul Hafsa.

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, huraikan dua peristiwa pada bahagian peleraian novel tersebut.

[7 markah]

PANTAI KASIH

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih Jalan karya Azmah Nordin. Terdapat beberapa peristiwa pada bahagian peleraian dalam novel tersebut.

Peristiwa pada bahagian peleraian yang pertama ialah peristiwa Raiha membedah doktor Uwang yang cedera akibat kemalangan. Doktor Uwang telah merempuh tembok Pusat Rawatan Pantai Kasih yang mengakibatkan seluruh tubuhnya tidak dapat berfungsi dengan baik apabila tangannya berasa kebas dan lututnya kejang. Dia dikeluarkan dari kenderaan mewah yang dipandunya dengan bantuan pekerja-pekerja pusat rawatan tersebut dan Raihalah yang mengambil alih menyelamatkan nyawanya dan melakukan pembedahan apabila didapati kecederaan teruk di bahagian pergelangan tangan dan lutut kaki yang hancur dan memerlukan penggantian sendi pada anggota tersebut.

Peristiwa pada bahagian peleraian yang kedua ialah peristiwa Felicia yang menyesal atas tindakannya menjadi budak suruhan. Felicia Landosi memohon maaf daripada Raiha atas penglibatan dirinya menjadi budak suruhan membeli minyak petrol oleh Doktor Sadiz yang akhirnya berjaya menjejaki Raiha dan menjadi saksi apabila Doktor Sadiz melepaskan geram dengan membakar kereta itu sendiri. Dia sendiri terkejut apabila secara tiba-tiba anak Raiha muncul di situ dan langsung disambar api dan dia turut menyatakan bahawa sewaktu di mahkamah dia tidak tampil sebagai saksi kerana takut. Raiha akhirnya tersedar bahawa mereka ialah mangsa keadaan.

BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat beberapa peristiwa pada bahagian peleraian dalam novel ini.

Peristiwa pada bahagian peleraian yang pertama ialah peristiwa Tan Sri Muhaimin dan Maryam Wickham mengambil keputusan untuk bernikah semula. Majlis pernikahan Tan Sri Muhaimin dan Maryam Wickham telah diadakan di Masjid Jamik Sultan Ibrahim Kuala Selangor. Nurul Hafsa, Haji Yassir dan Budiman menghadiri kenduri kesyukuran bagi meraikan pernikahan kali kedua Tan Sri Muhaimin dan bekas isterinya.

Peristiwa pada bahagian peleraian yang kedua ialah peristiwa Taufik meluahkan isi hatinya terhadap Nurul Hafsa bernikah semula. Muhammad Taufik meluahkan isi hatinya terhadap Nurul Hafsa. Dia telah mengembalikan selendang hitam manik kristal yang disimpannya semenjak hari pertama dia mengetahui Nurul Hafsa diculik. Muhammad Taufik menyampaikan hasratnya untuk menghantar rombongan lamaran ke kediaman orang tua Nurul Hafsa.

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang telah anda pelajari, jelaskan satu peristiwa daripada latar tempat yang ditetapkan seperti yang berikut:

NOVEL	LATAR TEMPAT
Pantai Kasih	Pusat Rawatan Pantai Kasih
Bimasakti Menari	Balai Cerap Sultan Salahuddin

PANTAI KASIH & BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin dan novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop.

Dalam novel Pantai Kasih, latar tempat yang telah ditetapkan adalah di rumah tumpangan. Peristiwa yang berlaku di rumah tumpangan ialah peristiwa kematian anak perempuan Doktor Raiha. Doktor Raiha membawa anak perempuannya, Rohayu bermalam di rumah tumpangan ini selepas keluar dari rumah agam milik Doktor Sadiz. Tidak jauh dari rumah tumpangan ini, Rohayu rentung akibat kebakaran kereta Porsche milik mereka yang secara kebetulan berada di situ.

Dalam novel Bimasakti Menari, latar tempat yang telah ditetapkan adalah di Balai Cerap Sultan Salahuddin. Peristiwa yang berlaku di Balai Cerap Sultan Salahuddin ialah peristiwa Nurul Hafsa berjanji untuk memulihkan keadaan yang berlaku di Balai Cerap Sultan Salahuddin. Nurul Hafsa telah menanam azam dalam jiwa seterusnya berjanji kepada para pengunjung di Balai Cerap Sultan Salahuddin bahawa dia akan memulihkan kembali kawasan Kuala Selangor yang telah dicemari oleh pencemaran cahaya yang menyebabkan kekurangan kelip-kelip.

- (a) Latar memainkan peranan penting dalam perkembangan jalan cerita sesebuah novel.
Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, jelaskan dua latar tempat yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 markah]

PANTAI KASIH

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Watak utama dalam novel ini ialah Doktor Raiha. Terdapat banyak latar tempat yang melibatkan Doktor Raiha dalam novel ini.

Latar tempat yang pertama adalah di Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK). Doktor Raiha telah melakukan pembedahan terhadap Doktor Uwang yang cedera akibat kemalangan dilakukan di PRPK. Kereta Doktor Uwang telah terbabas dan melanggar tembok garaj PRPK. Doktor Uwang yang terhimpit dalam keretanya dibawa ke bilik rawatan kecemasan. Doktor Uwang telah menjalani operasi penggantian sendi pada anggota tubuhnya yang rosak. Akibat kemalangan tersebut, lutut dan sebelah pergelangan tangannya hancur.

Latar tempat yang kedua adalah di mahkamah keluarga. Di sinilah tempat berlakunya perbicaraan kes keluarga antara Doktor Sadiz dan Doktor Raiha berkaitan punca kematian Ayu berlaku di mahkamah keluarga. Di sini jugalah tempat Doktor Sadiz menyatakan bahawa Doktor Raiha akan digantung tanpa bertali sampai bila-bila. Doktor Raiha sedih kerana kemenangan berpihak kepada Doktor Sadiz apabila saksi tidak hadir.

BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Watak utama dalam novel ini ialah Nurul Hafsa. Terdapat banyak latar tempat yang melibatkan Nurul Hafsa dalam novel ini.

Latar tempat yang pertama adalah di Kampung Kuantan. Hafsa pergi ke Kampung Kuantan bersama-sama ayahnya, Haji Yassir. Nurul Hafsa kecewa apabila impiannya untuk melihat banyak kelip-kelip tidak kesampaian. Setelah menunggu beberapa lama, barulah kelihatan beberapa ekor kelip-kelip muncul. Akhirnya, Nurul Hafsa menerima kenyataan bahawa impiannya untuk melihat kerlipan kelip-kelip secara sinkronasi tidak akan tercapai.

Latar tempat yang kedua adalah di Perpustakaan Awam Sultan Salahuddin, Kuala Selangor. Di sinilah tempat Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman berbincang tentang rancangan membuat projek Kawasan Simpan Langit Gelap dan pada waktu yang sama Budiman menyiapkan tugasannya untuk ijazah sarjana.

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang telah anda pelajari, huraikan satu peristiwa bagi setiap novel yang menimbulkan keinsafan kepada pembaca. Berikan alasan anda.

[8 markah]

PANTAI KASIH & BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin dan novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat banyak peristiwa yang menimbulkan keinsafan kepada pembaca dalam novel ini.

Peristiwa yang menimbulkan keinsafan kepada pembaca dalam novel Pantai Kasih ialah peristiwa Doktor Raiha yang telah menegur Felicia Landosi kerana bersikap kasar terhadap ibu Unong Siron. Doktor Raiha memberikan teguran kepada Felicia Landosi supaya melayani dan merawat pesakit dengan adil. Felicia sering kali melayani pesakit yang bergelar Datin dengan penuh mesra sebaliknya melayan ibu Unong Siron yang merupakan golongan sederhana dengan kasar sehingga mendapat teguran daripada Doktor Raiha. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca kerana kita perlu adil dalam memberikan layanan kepada semua orang tanpa mengira pangkat, darjat atau kekayaan.

Peristiwa yang menimbulkan keinsafan kepada pembaca dalam novel Bimasakti Menari ialah peristiwa Tan Sri Muhaimin membantu Muhammad Taufik menyelesaikan masalah kekurangan populasi kelip-kelip. Tan Sri Muhaimin telah membeli tanah yang menyusuri tepi anak sungai di Kampung Kuantan terus ke Kampung Api-api seluas 50 hektar. Muhammad Taufik telah memagar anak sungai supaya kelip-kelip ada tempat untuk bersembunyi. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca agar menjaga alam sekitar kerana Muhammad Taufik begitu memelihara populasi kelip-kelip agar tidak pupus.

- a) Dalam sesebuah novel terdapat banyak peristiwa yang dapat memberi teladan kepada pembaca.
Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, huraikan dua peristiwa yang dapat memberikan teladan kepada pembaca.

[7 markah]

PANTAI KASIH

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat pelbagai peristiwa yang dapat memberikan teladan kepada pembaca.

Peristiwa yang pertama ialah peristiwa Doktor Raiha mempertikaikan tindakan Doktor Uwang yang telah menjalankan pembedahan penggantian sendi pinggul sebanyak lima kali terhadap Unong Siron. Peristiwa ini dapat memberikan teladan kepada pembaca agar bersikap berani dalam mempertahankan pendapat walaupun dengan pihak atasan atau majikan.

Peristiwa yang kedua ialah peristiwa Doktor Raiha tetap dengan pendiriannya untuk mengekalkan janin dalam kandungan kerana janin itu tidak berdosa. Peristiwa ini dapat memberikan teladan kepada pembaca agar menyayangi anak walaupun anak tersebut merupakan golongan istimewa (Sindrom Down).

BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji di Tingkatan 5 ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat pelbagai peristiwa yang dapat memberikan teladan kepada pembaca.

Peristiwa yang pertama ialah peristiwa Nurul Hafsa berusaha untuk menjadikan Kuala Selangor sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap untuk mengembalikan populasi kelip-kelip. Peristiwa ini dapat memberikan teladan kepada pembaca agar menjaga kelestarian alam sekitar demi kesejahteraan hidup.

Peristiwa yang kedua ialah peristiwa Puan Wickham telah berkirim salam kepada Tan Sri Muhaimin dan memasak untuk mereka bertiga sebelum pulang mengikut rombongannya walaupun mereka telah bercerai. Peristiwa ini dapat menjadikan teladan kepada pembaca kerana kita perlu menjaga hubungan kekeluargaan agar bertambah erat untuk kepentingan anak-anak.

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan satu persoalan keberanian bagi setiap novel tersebut.

[8 markah]

PANTAI KASIH & BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin dan novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat banyak persoalan keberanian dalam kedua-dua buah novel.

Persoalan keberanian yang terdapat dalam novel Pantai Kasih ialah persoalan keberanian mempertahankan hak sebagai seorang ibu. Doktor Raiha berani meneruskan kandungannya dan mengingkari permintaan suaminya, Doktor Sadiz agar menggugurkan kandungannya setelah mengetahui janin tersebut mengalami masalah tumbesaran melalui ujian ultrasound.

Persoalan keberanian yang terdapat dalam novel Bimasakti Menari ialah persoalan keberanian mempertahankan hujah. Nurul Hafsa berani menangkis setiap soalan yang dikemukakan oleh Dato' Johann Arlington-Majid yang bertujuan untuk menggagalkan projek Kawasan Simpan Langit Gelap sewaktu pembentangan di hadapan Menteri Besar.

- (a) Latar tempat memainkan peranan yang penting dalam menggerakkan cerita dalam sesebuah karya.
Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan dua latar tempat yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 markah]

PANTAI KASIH

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat banyak latar tempat yang melibatkan Doktor Raiha dalam novel ini.

Latar tempat yang pertama adalah di Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK). Doktor Raiha telah melakukan pembedahan terhadap Doktor Uwang yang cedera akibat kemalangan dilakukan di PRPK. Kereta Doktor Uwang telah terbabas dan melanggar tembok garaj PRPK. Doktor Uwang yang terhimpit dalam keretanya dibawa ke bilik rawatan kecemasan. Doktor Uwang telah menjalani operasi penggantian sendi pada anggota tubuhnya yang rosak. Akibat kemalangan tersebut, lutut dan sebelah pergelangan tangannya hancur.

Latar tempat yang kedua adalah di mahkamah keluarga. Di sinilah tempat berlakunya perbincangan kes keluarga antara Doktor Sadiz dan Doktor Raiha berkaitan punca kematian Ayu berlaku di mahkamah keluarga. Di sini jugalah tempat Doktor Sadiz menyatakan bahawa Doktor Raiha akan digantung tanpa bertali sampai bila-bila. Doktor Raiha sedih kerana kemenangan berpihak kepada Doktor Sadiz apabila saksi tidak hadir.

BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat banyak latar tempat dalam novel ini.

Latar tempat yang pertama adalah di Kampung Kuantan. Hafsa pergi ke Kampung Kuantan bersama-sama ayahnya, Haji Yassir. Nurul Hafsa kecewa apabila impiannya untuk melihat banyak kelip-kelip tidak kesampaian. Setelah menunggu beberapa lama, barulah kelihatan beberapa ekor kelip-kelip muncul. Akhirnya, Nurul Hafsa menerima kenyataan bahawa impiannya untuk melihat kerlipan kelip-kelip secara sinkronasi tidak akan tercapai.

Latar tempat yang kedua adalah di Perpustakaan Awam Sultan Salahuddin, Kuala Selangor. Di sinilah tempat Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman berbincang tentang rancangan membuat projek Kawasan Simpan Langit Gelap dan pada waktu yang sama Budiman menyiapkan tugasannya untuk ijazah sarjana.

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan satu peristiwa bagi setiap novel yang menggambarkan nilai keberanian.

[8 markah]

PANTAI KASIH & BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin dan novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat banyak peristiwa yang menggambarkan nilai keberanian dalam novel ini.

Peristiwa yang menggambarkan nilai keberanian dalam novel Pantai Kasih ialah peristiwa keberanian Doktor Raiha mempertikaikan kegagalan pembedahan yang telah dijalankan oleh Doktor Uwang. Doktor Raiha berani mempertikaikan kegagalan majikannya, Doktor Uwang dalam menjalankan pembedahan terhadap Unong Siron sehingga pesakit itu dibedah sebanyak 6 kali. Pada pandangan mata kasar, memang tiada yang aneh berlaku terhadap Unong Siron namun naluri Doktor Raiha memberitahu bahawa ada sesuatu yang tidak kena pada sinar-X Unong Siron. Doktor Raiha cuba meluahkan perasaan tentang masalah tersebut kepada Doktor Uwang. Hal ini menyebabkan Doktor Uwang berasa terpukul apabila pembedahannya terhadap Unong Siron dipertikaikan oleh Doktor Raiha.

Peristiwa yang menggambarkan nilai keberanian dalam novel Bimasakti Menari ialah peristiwa keberanian Muhammad Taufik bersemuka dengan penjenayah. Setelah keluar dari hospital, Muhammad Taufik berani bersemuka dengan penjenayah di stesen Petronas untuk menyelamatkan Nurul Hafsa yang telah diculik oleh orang upahan Dato Johann Arlington-Majid. Walaupun dalam keadaannya yang masih sakit, dia tetap berani bertindak sendirian demi menyelamatkan Nurul Hafsa.

- (a) Watak utama dalam sesebuah novel digambarkan mempunyai keistimewaan yang tertentu.
Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, jelaskan dua perwatakan watak utama.

[7 markah]

PANTAI KASIH

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Watak utama dalam novel ini ialah Doktor Raiha. Terdapat banyak perwatakan Doktor Raiha dalam novel ini.

Perwatakan Doktor Raiha yang pertama ialah seorang yang berani. Doktor Raiha berani mengengkar kehendak Doktor Sadiz yang mahu dia menggugurkan kandungannya setelah mengetahui janin dalam kandungannya cacat. Doktor Sadiz juga berkeras bahawa dia tidak akan menerima kelahiran bayinya yang cacat disebabkan statusnya sebagai pakar perunding pembedahan yang terkenal. Doktor Sadiz berusaha untuk menghantar anaknya itu ke Pusat Rawatan Khas bagi kanak-kanak yang menghidap sindrom down.

Perwatakan Doktor Raiha yang kedua ialah seorang yang penyayang. Doktor Raiha menyayangi anaknya, Rohayu kerana dia tidak sanggup menggugurkan kandungannya apabila diminta oleh Doktor Sadiz. Bagi Doktor Raiha, Rohayu mempunyai hak untuk lahir dan mendapatkan kasih sayangnya. Doktor Raiha banyak menghabiskan masa melayani Rohayu berbanding bekas suaminya.

BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Watak utama dalam novel ini ialah Nurul Hafsa. Terdapat banyak perwatakan Nurul Hafsa dalam novel ini.

Perwatakan Nurul Hafsa yang pertama ialah seorang yang berani. Nurul Hafsa berani membuat pembentangan dan menyatakan cadangan berkenaan projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor di hadapan menteri besar, ahli akademik, ahli perniagaan dan orang awam di bangunan SUK Shah Alam. Walaupun cadangan mereka dibantah oleh Dato' Johann Arlington-Majid namun mereka tetap meneruskan pembentangan tersebut.

Perwatakan Nurul Hafsa yang kedua ialah seorang yang bertanggungjawab. Nurul Hafsa menjalankan tanggungjawabnya dengan melayan sekumpulan kanak-kanak dari Sekolah Rendah Kichihimahigashi, Hiroshima, Jepun. Sebagai Pegawai Sains di Balai Cerap Sultan Salahuddin, Nurul Hafsa melayan dengan baik sekumpulan kanak-kanak tersebut untuk melihat bintang. Namun demikian, hasrat mereka tidak kesampaian akibat keadaan langit yang cerah. Nurul Hafsa berjanji kepada mereka untuk memastikan hasrat 15 orang kanak-kanak dari Jepun itu tercapai.

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang telah anda pelajari, huraikan satu pengajaran tentang keprihatinan bagi setiap novel.

[8 markah]

PANTAI KASIH & BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin dan novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat banyak pengajaran tentang keprihatinan dalam kedua-dua buah novel.

Pengajaran keprihatinan dalam novel Pantai Kasih ialah kita haruslah prihatin akan keadaan anak agar mereka mendapat rawatan yang sewajarnya. Ibu Unong Siron prihatin akan nasib anaknya yang terlantar sakit di Pusat Rawatan Pantai Kasih. Unong Siron telah menjalani pembedahan penggantian sendi pinggul kali yang keenam. Ibu Unong Siron berasa bimbang akan keadaan anaknya kerana wang pampasan yang diperoleh anaknya hampir habis untuk mengubati anaknya yang sakit.

Pengajaran keprihatinan dalam novel Bimasakti Menari ialah kita haruslah prihatin akan alam sekitar agar kelestarian alam sekitar terpelihara. Muhammad Taufik prihatin apabila dia membina sebuah rumah model berkonsepkan mesra alam iaitu Rumah Ikhtiar Teknoalam di Kampung Kuantan. Projek ini dibuat bagi memastikan rumah-rumah yang akan dibina dapat mengekalkan kelestarian alam sekitar.

- (a) Latar tempat sangat penting dalam sesebuah novel. Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan dua latar tempat yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 markah]

PANTAI KASIH

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat banyak latar tempat dalam novel ini.

Latar tempat yang pertama adalah di Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK). Doktor Raiha telah melakukan pembedahan terhadap Doktor Uwang yang cedera akibat kemalangan dilakukan di PRPK. Kereta Doktor Uwang telah terbabas dan melanggar tembok garaj PRPK. Doktor Uwang yang terhimpit dalam keretanya dibawa ke bilik rawatan kecemasan. Doktor Uwang telah menjalani operasi penggantian sendi pada anggota tubuhnya yang rosak. Akibat kemalangan tersebut, lutut dan sebelah pergelangan tangannya hancur.

Latar tempat yang kedua adalah di mahkamah keluarga. Di sinilah tempat berlakunya perbincangan kes keluarga antara Doktor Sadiz dan Doktor Raiha berkaitan punca kematian Ayu berlaku di mahkamah keluarga. Di sini jugalah tempat Doktor Sadiz menyatakan bahawa Doktor Raiha akan digantung tanpa bertali sampai bila-bila. Doktor Raiha sedih kerana kemenangan berpihak kepada Doktor Sadiz apabila saksi tidak hadir.

BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat banyak latar tempat dalam novel ini.

Latar tempat yang pertama adalah di Kampung Kuantan. Hafsa pergi ke Kampung Kuantan bersama-sama ayahnya, Haji Yassir. Nurul Hafsa kecewa apabila impiannya untuk melihat banyak kelip-kelip tidak kesampaian. Setelah menunggu beberapa lama, barulah kelihatan beberapa ekor kelip-kelip muncul. Akhirnya, Nurul Hafsa menerima kenyataan bahawa impiannya untuk melihat kerlipan kelip-kelip secara sinkronasi tidak akan tercapai.

Latar tempat yang kedua adalah di Perpustakaan Awam Sultan Salahuddin, Kuala Selangor. Di sinilah tempat Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman berbincang tentang rancangan membuat projek Kawasan Simpan Langit Gelap dan pada waktu yang sama Budiman menyiapkan tugasannya untuk ijazah sarjana.

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, bincangkan satu kepincangan masyarakat yang terdapat dalam setiap novel tersebut.

[8 markah]

PANTAI KASIH & BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin dan novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat beberapa kepincangan masyarakat dalam kedua-dua buah novel.

Kepincangan masyarakat dalam novel Pantai Kasih ialah kepincangan masyarakat yang suka berfoya-foya walaupun sudah berumah tangga. Doktor Uwang mewakili masyarakat yang masih berfoya-foya walaupun sudah berumah tangga. Doktor Uwang seorang yang suka hidup bebas dan tidak mahu dikongkong. Walaupun sudah berumah tangga, namun beliau tetap mengunjungi kelab-kelab malam dan minum arak bersama-sama gadis pelayan dan kemudiannya berakhir ke ranjang. Namun demikian, sikapnya yang memastikan kebersihan setiap 'isteri tidak sah' menjadikan dia seorang yang sangat pemilih dalam mencari teman berhibur.

Kepincangan masyarakat dalam novel Bimasakti Menari pula ialah kepincangan masyarakat yang bersikap pendendam. Dato' Johann Arlington-Majid mendendami Tan Sri Muhaimin kerana lelaki itu mengahwini wanita yang dicintainya iaitu Maryam @ Marion Wickham Abdullah. Perasaan dendam ini semakin membara apabila dia mendapati bahawa Tan Sri Muhaimin memasuki tender menyediakan lampu mesra alam untuk menerangi Kuala Selangor. Dia amat marah kerana tender lampunya terjejas akibat projek baharu tersebut. Dato'Haji Mansor pula memberikan masa yang terhad untuk dia menyediakan lampu yang pencahayaannya mesra alam. Dato' Johann berazam bahawa pada kali ini dia tidak akan tewas lagi dengan Tan Sri Muhaimin.

- a) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, huraikan dua pengajaran yang telah diketengahkan oleh pengarang.

[7 markah]

PANTAI KASIH

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat banyak pengajaran dalam novel ini.

Pengajaran yang pertama ialah kita haruslah bersikap baik hati agar dapat membantu orang lain yang berada dalam kesusahan. Doktor Raiha baik hati apabila dia pernah menumpangkan Felicia balik ke rumahnya di Inanam dengan keretanya sebelum Felicia memiliki kereta sendiri. Doktor Raiha juga baik hati apabila sanggup menerima tugas bagi menjalankan pembedahan kali keenam terhadap Unong Siron kerana dia begitu simpati dengan nasib pesakit tersebut.

Pengajaran yang kedua ialah kita perlulah bekerjasama agar dapat menyelamatkan nyawa orang yang ditimpa musibah. Doktor Raiha dan Doktor Alex Ng bekerjasama melakukan pembedahan kecemasan terhadap Doktor Uwang yang kritikal setelah terlibat dalam kemalangan jalan raya. Mereka terpaksa melakukan operasi penggantian sendi tulang lutut dan sebelah pergelangan tangan Doktor Uwang yang hancur. Operasi tersebut perlu dilakukan secepat mungkin bagi mengelakkan terjadinya infeksi.

BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat banyak pengajaran dalam novel ini.

Pengajaran yang pertama ialah kita haruslah berani membuat keputusan untuk menyelamatkan nyawa orang lain. Muhammad Taufik berani membuat keputusan apabila dia bertindak seorang diri selepas mendapat nota untuk menyelamatkan Nurul Hafsa. Setelah keluar dari hospital, Muhammad Taufik meminta ayahnya berhenti di stesen PETRONAS dengan alasan untuk ke tandas. Namun demikian, Muhammad Taufik telah menuju ke van putih. Kemudian, dia telah ditarik masuk ke dalam van dan diculik.

Pengajaran yang kedua ialah kita perlulah menjaga pergaulan agar tidak melanggar batas-batas yang ditetapkan dalam agama. Budiman menemani Nurul Hafsa ketika adiknya itu berbincang dengan Muhammad Taufik di bilik tutorial di Perpustakaan Awam Sultan Sharafuddin, Kuala Selangor. Budiman menemani mereka berdua tetapi tidak mengganggu perbincangan mereka. Sikap Budiman mengagumkan Muhammad Taufik kerana Budiman setia menemani Nurul Hafsa sebagai saudara tua yang menjaga tata tertib perhubungan antara lelaki dan wanita bukan mahram.

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan satu persoalan kegigihan watak utama yang terdapat dalam setiap novel tersebut.

[8 markah]

PANTAI KASIH & BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin dan novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Watak utama dalam novel Pantai Kasih ialah Doktor Raiha manakala watak utama dalam novel Bimasakti Menari ialah Nurul Hafsa. Terdapat banyak persoalan kegigihan watak utama dalam kedua-dua buah novel

Persoalan kegigihan dalam novel Pantai Kasih ialah persoalan kegigihan mencapai cita-cita untuk menjadi seorang doktor. Raiha tetap gigih dan belajar dengan tekun untuk mencapai cita-citanya sebagai pakar bedah walaupun mendapat tentangan daripada ayahnya. Bagi ayahnya, kerjaya sebagai doktor bedah tidak sesuai untuk wanita kerana memerlukan penelitian dalam menjalankan tugas. Sebaliknya, ayah Raiha beranggapan bahawa wanita hanya sesuai menjadi suri rumah tangga sahaja.

Persoalan kegigihan dalam novel Bimasakti Menari ialah persoalan kegigihan mendapatkan sokongan kerajaan terhadap projek yang akan dijalankan. Nurul Hafsa gigih mendapatkan sokongan pihak kerajaan terhadap projek Kawasan Simpan Langit Gelap yang pertama di Asia Tenggara. Nurul Hafsa membentangkan rancangan projek Kawasan Simpan Langit Gelap di hadapan Menteri Besar. Hasil kegigihan mereka, Menteri Besar menyokong projek tersebut dan berharap agar kontraktor yang dipilih mampu menyediakan lampu seperti yang dikehendaki.

- (a) Jelaskan dua persoalan ketabahan dalam sebuah novel yang anda kaji.

[7 markah]

PANTAI KASIH

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat banyak persoalan ketabahan dalam novel ini.

Persoalan ketabahan dalam novel Pantai Kasih ialah persoalan ketabahan menghadapi kegagalan rumah tangga. Doktor Raiha tabah menghadapi kegagalan rumah tangga dengan Doktor Sadiz terutama selepas kelahiran anak mereka yang kurang sempurna. Kejadian Ayu disambar api kereta mewah milik Doktor Sadiz merupakan kemuncak kemarahan suaminya itu. Doktor Sadiz melafazkan bahawa dia tidak akan melepaskan Doktor Raiha sebaliknya akan meninggalkan Doktor Raiha gantung tiada bertali sepanjang hayat.

Persoalan ketabahan yang kedua ialah persoalan ketabahan menerima ujian Tuhan. Ibu Unong Siron tabah menerima ujian Tuhan apabila anaknya telah menjalani pembedahan sendi pinggul sebanyak enam kali. Malahan dia terpaksa membelanjakan wang yang banyak untuk mendapatkan merawat anaknya di Pusat Rawatan Pantai Kasih. Ibu Unong Siron tidak lokek untuk membelanjakan wang insurans anaknya demi melihat anaknya kembali lincah dan sihat seperti orang lain.

BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat banyak persoalan ketabahan dalam novel ini. Persoalan ketabahan yang pertama ialah persoalan ketabahan berhadapan dengan cabaran hidup. Muhammad Taufik tabah berhadapan dengan cabaran apabila dia telah dcederakan dan diculik oleh penjahat yang diupah oleh Dato' Johann Arlington-Majid. Ujian yang datang tidak sedikit pun mematahkan semangatnya untuk menjayakan projek Kuala Selangor Kawasan Simpan Langit Gelap bersama Nurul Hafsa.

Persoalan ketabahan yang kedua ialah persoalan ketabahan dalam kehidupan akibat perceraian ibu bapa. Muhammad Taufik tabah apabila terpaksa berjauhan dengan bapanya kerana meneruskan pendidikan di Otago, New Zealand setelah ibu bapanya bercerai. Selepas menamatkan pengajian, Muhammad Taufik kembali ke Malaysia dan tinggal bersama Tan Sri Muhaimin menyebabkan dia hanya dapat berjumpa ibunya sekali-sekala sahaja.

- (b) Saspens juga dikenali dengan istilah ketegangan yang bermaksud peristiwa dalam novel yang menimbulkan keadaan tertanya-tanya atau perasaan ingin tahu dalam kalangan pembaca tentang peristiwa yang akan berlaku selanjutnya.

Berdasarkan dua buah novel yang telah anda kaji, huraikan satu peristiwa saspens bagi setiap novel tersebut.

[8 markah]

PANTAI KASIH & BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin dan novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat banyak peristiwa yang mengandungi unsur saspens dalam kedua-dua buah novel tersebut.

Peristiwa yang mengandungi unsur saspens dalam novel Pantai Kasih ialah peristiwa punca kematian anak perempuan Doktor Raiha iaitu Rohayu bin Sadiz. Dari awal sehingga akhir, pembaca tidak mendapat gambaran yang jelas tentang punca kematian Ayu. Pembaca berasa lega dan begitu juga Doktor Raiha apabila pada akhir cerita Felicia telah mengaku dan menceritakan situasi sebenar kematian Ayu. Kemunculan Ayu secara tiba-tiba menyebabkan dia disambar oleh api yang marak.

Peristiwa yang mengandungi unsur saspens dalam novel Bimasakti Menari ialah peristiwa Muhammad Taufik menerima nota dalam jambangan bunga. Muhammad Taufik telah menerima nota agar dia pergi ke stesen Petronas pada hari Jumaat jam 8.30 pagi. Nota tersebut telah dimasukkan dalam jambangan bunga. Muhammad Taufik terkejut apabila melihat kerongsang mutiara berharga RM10.00 kepunyaan Nurul Hafsa tersemat pada selendang itu. Peristiwa ini mengandungi unsur saspens kerana pembaca tertanya-tanya tindakan yang bakal dilakukan oleh Muhammad Taufik setelah menerima nota tersebut yang pastinya membuktikan bahawa Nurul Hafsa dalam keadaan bahaya.

- (a) Salah satu nilai yang terdapat dalam novel yang anda kaji ialah nilai kasih sayang. Jelaskan dua peristiwa yang menggambarkan nilai kasih sayang dalam sebuah novel yang anda pelajari.

[7 markah]

PANTAI KASIH

Novel yang saya kaji ialah Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat banyak peristiwa yang menggambarkan nilai kasih sayang dalam novel ini. Peristiwa yang pertama ialah peristiwa kasih sayang Doktor Raiha terhadap anaknya, Rohayu walaupun anaknya itu cacat sebelum dilahirkan lagi. Doktor Raiha enggan mengikut kehendak Doktor Sadiz yang memintanya menggugurkan kandungan. Baginya, Rohayu mempunyai hak untuk lahir dan mendapatkan kasih sayangnya. Doktor Raiha banyak menghabiskan masa melayani Rohayu berbanding bekas suaminya, Doktor Sadiz selepas Rohayu dilahirkan. Doktor Sadiz mengharapkan agar anaknya itu dihantar ke pusat penjagaan jauh dari tempat mereka bagi mengelakkan taraf dan kewibawaannya dijadikan bahan perbincangan ramai.

Peristiwa kasih sayang yang kedua ialah peristiwa kasih sayang ayah terhadap Doktor Raiha. Ayah Doktor Raiha menyayanginya apabila dia menasihati Doktor Raiha supaya tidak memilih Doktor Sadiz sebagai suaminya kerana Doktor Sadiz merupakan seorang yang angkuh dan telah berumur. Raiha yang tetap berdegil dengan keputusannya telah menerima lamaran Doktor Sadiz seorang Pakar Perunding Pembedahan yang merupakan seorang duda beranak dua yang usianya lebih tua daripada usia bapa Raiha. Ayah Doktor Raiha mengingatkan Doktor Raiha agar tidak menyesal dengan keputusan yang dibuatnya nanti.

BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu binti Mohd Yusop. Terdapat banyak peristiwa yang menggambarkan nilai kasih sayang dalam novel ini.

Peristiwa yang pertama ialah peristiwa kasih sayang Muhammad Taufik terhadap ibu bapanya. Muhammad Taufik tidak pernah sangsi akan kasih sayang yang diterima daripada kedua-dua ibu bapanya walaupun mereka telah berpisah. Muhammad Taufik bersyukur apabila ibunya, Maryam Wickham datang ke Malaysia walaupun seketika. Muhammad Taufik akan menghabiskan setiap detik yang ada untuk berbual-bual dengan ibunya itu. Bagi Muhammad Taufik, dia percaya bahawa kasih sayang, darah dan daging, jiwa dan minda tidak mengenal sempadan tempat dan zon masa.

Peristiwa yang kedua ialah peristiwa kasih sayang Maryam Wickham Abdullah terhadap Muhammad Taufik. Maryam Wickham meluahkan perasaan sayang dan rindunya kepada Muhammad Taufik semasa dia datang ke rumah Muhammad Taufik. Maryam Wickham juga mengambil berat tentang projek Ikhtiar Teknoalam yang diusahakan oleh anaknya. Ikhtiar Teknoalam ialah sebuah projek pembinaan rumah mesra alam untuk tujuan komersial yang sedang diusahakan oleh Muhammad Taufik. Walaupun dipisahkan oleh benua dan lautan, Maryam Wickham dan Muhammad Taufik mempunyai minat yang sama.

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, kemukakan satu peristiwa pada peleraian setiap novel dan huraikan pengajaran daripada peleraian tersebut.

[8 markah]

PANTAI KASIH & BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin dan novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop.

Peristiwa pada bahagian peleraian yang dapat memberikan teladan kepada pembaca dalam novel Pantai Kasih ialah peristiwa Felicia memohon maaf daripada Doktor Raiha kerana merahsiakan cerita sebenar tentang kematian Ayu. Doktor Raiha mempersoalkan sikap Felicia yang tidak berani tampil sebagai saksi sewaktu perbicaraan dengan Doktor Sadiz di mahkamah keluarga. Felicia yang terlibat dalam komplot kematian Rohayu telah mengalami masalah kemurungan dan stres yang berat. Peristiwa ini dapat memberikan teladan kepada pembaca agar berani menegakkan kebenaran supaya hidup tidak tertekan dengan perkara tidak baik yang dirahsiakan tersebut.

Peristiwa pada bahagian peleraian yang dapat memberikan teladan kepada pembaca dalam novel Bimasakti Menari ialah peristiwa Tan Sri Muhaimin dinikahkan semula dengan Maryam di Masjid Jamik Sultan Ibrahim, Selangor. Tan Sri Muhaimin berasa bersyukur ke hadrat Ilahi kerana anak dan isterinya telah kembali kepadanya. Peristiwa ini dapat dijadikan teladan oleh pembaca agar mengelakkan perceraian yang bukan sahaja memisahkan anak dengan ibu bapa malahan juga memberikan kesan yang mendalam kepada mereka.

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan dua latar tempat yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 markah]

PANTAI KASIH

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat banyak latar tempat dalam novel ini.

Latar tempat yang pertama adalah di Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK). Doktor Raiha telah melakukan pembedahan terhadap Doktor Uwang yang cedera akibat kemalangan dilakukan di PRPK. Kereta Doktor Uwang telah terbabas dan melanggar tembok garaj PRPK. Doktor Uwang yang terhimpit dalam keretanya dibawa ke bilik rawatan kecemasan. Doktor Uwang telah menjalani operasi penggantian sendi pada anggota tubuhnya yang rosak. Akibat kemalangan tersebut, lutut dan sebelah pergelangan tangannya hancur.

Latar tempat yang kedua adalah di mahkamah keluarga. Di sinilah tempat berlakunya perbicaraan kes keluarga antara Doktor Sadiz dan Doktor Raiha berkaitan punca kematian Ayu berlaku di mahkamah keluarga. Di sini jugalah tempat Doktor Sadiz menyatakan bahawa Doktor Raiha akan digantung tanpa bertali sampai bila-bila. Doktor Raiha sedih kerana kemenangan berpihak kepada Doktor Sadiz apabila saksi tidak hadir.

BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat banyak latar tempat dalam novel ini.

Latar tempat yang pertama adalah di Kampung Kuantan. Hafsa pergi ke Kampung Kuantan bersama-sama ayahnya, Haji Yassir. Nurul Hafsa kecewa apabila impiannya untuk melihat banyak kelip-kelip tidak kesampaian. Setelah menunggu beberapa lama, barulah kelihatan beberapa ekor kelip-kelip muncul. Akhirnya, Nurul Hafsa menerima kenyataan bahawa impiannya untuk melihat kerlipan kelip-kelip secara sinkronasi tidak akan tercapai.

Latar tempat yang kedua adalah di Perpustakaan Awam Sultan Salahuddin, Kuala Selangor. Di sinilah tempat Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman berbincang tentang rancangan membuat projek Kawasan Simpan Langit Gelap dan pada waktu yang sama Budiman menyiapkan tugasannya untuk ijazah sarjana.

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan teknik pemerian yang terdapat dalam setiap novel.

[8 markah]

PANTAI KASIH & BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah dan novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat banyak teknik pemerian yang digunakan oleh pengarang dalam kedua-dua buah novel.

Teknik pemerian dalam novel Pantai Kasih ialah pengarang memerihalkan keadaan Doktor Uwang di pusat hiburan. Doktor Uwang memerhatikan para pengunjung pusat hiburan bertambah ramai. Mereka semuanya datang berpasangan dan meliang-liuk menari mengikut tempo irama muzik di lantai pusat hiburan tersebut.

Teknik pemerian dalam novel Bimasakti Menari ialah pengarang memerihalkan Muhammad Taufik yang sedang memerhatikan Nurul Hafsa. Muhammad Taufik memerhatikan Nurul Hafsa yang sedang berhadapan dengan serangan daripada kumpulan pemerhati bintang cilik dan pengiring-pengiring mereka. Nurul Hafsa sederhana tinggi, susuk tubuhnya tidak terlalu kurus dan tidak pula berisi. Ada bayang-bayang lasak walaupun Nurul Hafsa mengenakan baju kurung dan blazer.

- (a) Berdasarkan sinopsis yang terdapat dalam sebuah novel yang anda pelajari.

[7 markah]

PANTAI KASIH

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin.

Sinopsis dimulakan apabila pengarang menceritakan kisah Raiha, seorang doktor muda yang terpaksa melalui pelbagai bentuk cabaran sebelum berjaya menjadi doktor pakar bedah. Selepas menghadapi kegagalan dalam rumah tangga, dia akhirnya menerima pelawaan mentornya, Doktor Uwang untuk bekerja di Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK).

Pada bahagian perkembangan, fikiran Raiha sering terganggu tentang komplikasi pesakit namun mereka masih mampu untuk bertungkus-lumus menabung wang bagi mendapatkan rawatan operasi daripada para pakar perubatan di pusat rawatan itu. Anehnya, yang kaya-raya tidak ramai pula yang menghadapi komplikasi yang serupa. Fikiran Raiha kian terganggu apabila melihat sinar-X milik salah seorang daripada pesakit iaitu Unong Siron. Dari mata kasar, memang tiada apa-apa yang aneh berlaku namun nalurinya memberitahu ada sesuatu yang tidak kena pada sinar-X itu. Hal ini membuatkan Raiha bertambah tertekan. Pada masa yang sama, Raiha juga sering diganggu gambaran bekas suaminya yang perlahan-lahan mengingatkan dia pada kisah silamnya yang amat mengerikan dan menyayat hati. Doktor Raiha cuba meluahkan perasaan tentang Unong Siron kepada Doktor Uwang. Sikap Doktor Raiha menyebabkan mentornya itu kurang senang kerana seolah-olah Doktor Raiha mencabar kewibawaannya. Walhal sebelum ini, Doktor Uwang ialah guru demonstrator dalam bidang anatominya dan mengajarnya unsur-unsur surgery ataupun pembedahan ketika dia menjadi siswi tahun pertama dalam spesifikasi ortopedik di institusi tinggi tempatan dahulu. Namun, apabila bekerja di pusat rawatan mewah milik Doktor Uwang dan ditugaskan untuk mengambil alih tugas membedah Unong Siron yang menghadapi komplikasi berulang-kali, pandangannya terhadap doktor itu mula berubah.

Pada bahagian klimaks, berlaku pencerobohan seorang pemuda kurang siaman. Ariana Abdullah secara tiba-tiba datang meminta pertolongan Doktor Raiha kerana Sister Felicia Landosi telah ditahan oleh penceroboh yang menyamar sebagai doktor di bilik bedah. Ibu Unong Siron telah menawarkan bantuannya untuk memujuk pemuda kurang siaman itu kerana pemuda itu tinggal bersebelahan kampungnya. Ibu Unong Siron telah memujuk pemuda itu melepaskan Felicia Landosi dan mengikutnya merawat Unong Siron yang sakit. Selepas berjaya ditangkap, pemuda tersebut telah dihantar ke hospital sakit jiwa bagi menerima rawatan lanjut.

Pada bahagian peleraian, Doktor Uwang mengalami kemalangan di jalan yang berhampiran dengan PRPK. Sebagai seorang doktor yang profesional, Raiha tetap menjalankan tugasnya sebagai seorang doktor dan bertanggungjawab menjalankan operasi pembedahan ke atas Doktor Uwang dengan menggunakan peralatan yang dibeli khas oleh doktor tersebut. Ketika Raiha melangkah ke garaj kereta PRPK, Felicia Landosi telah memanggil namanya dan menangis tersedu-sedan. Felicia telah meminta maaf atas kesilapannya yang terjebak dalam kes kematian Rohayu. Doktor Raiha memaafkan Felicia dan reda akan kematian anaknya. Bagi Doktor Raiha, dia dan Felicia merupakan dua orang insan yang sama-sama menjadi mangsa keadaan dan kerakusan diri sendiri.

BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop.

Sinopsis novel bermula apabila pengarang mengisahkan Nurul Hafsa yang bertugas sebagai Pegawai Sains di Balai Cerap Sultan Salahuddin. Beliau dikunjungi oleh pelajar-pelajar dari Sekolah Rendah Kichihimahigashi, Hiroshima, Jepun untuk melihat buruj Orion atau buruj Belantik dengan mata kasar tanpa sebarang bantuan alat pencerap namun gagal kerana langit terlalu cerah. Nurul Hafsa menerangkan kepada rombongan tersebut bahawa kekurangan yang berlaku pada malam tersebut berpunca daripada kesan negatif akibat pembangunan pesat yang berlaku di Kuala Selangor.

Pada bahagian perkembangan, Nurul Hafsa mengambil keputusan untuk melihat sendiri kelip-kelip di Kampung Kuantan. Beliau kecewa kerana tidak banyak kelip-kelip di situ apatah lagi anak sungainya dipagar untuk menghalang bot atau sampan melaluinya. Budiman mengajak Nurul Hafsa menemui 'lelaki kelip -kelip' atau nama sebenarnya Muhammad Taufik yang merupakan pemilik anak sungai tersebut. Muhammad Taufik berbuat demikian agar populasi kelip-kelip tidak terancam. Nurul Hafsa membentangkan Projek Kawasan Simpan Langit Gelap di hadapan Menteri Besar, ahli akademik, ahli perniagaan dan orang awam di bangunan SUK Shah Alam. Rancangannya ditentang oleh Dato' Johann Arlington -Majid. Dato' Johan n Arlington-Majid telah mengatur rancangan untuk mengupah tiga orang lelaki bagi menyiasat pergerakan Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik bagi memastikan mereka tidak dapat melaksanakan projek tersebut. Berita kemalangan Muhammad Taufik mengejutkan Nurul Hafsa.

Pada bahagian klimaks, Muhammad Taufik oleh penculik yang menculik Nurul Hafsa. Muhammad Taufik cuba membebaskan Nurul Hafsa dengan mengikut arahan penculik untuk berjumpa di stesen minyak Petronas. Nurul Hafsa dibebaskan tetapi Muhammad Taufik pula diculik. Nurul Hafsa cuba menyelamatkan Muhammad Taufik dengan membuat laporan polis di IPD Kuala Selangor.

Pada bahagian peleraian, Nurul Hafsa, Haji Yassir dan Budiman berada di Masjid Jamik Sultan Ibrahim Kuala Selangor untuk menghadiri kenduri kesyukuran bagi meraikan pernikahan kali kedua Tan Sri Muhaimin dan bekas isterinya. Tan Sri Muhaimin menyampaikan ucapan ringkas dengan menyatakan rasa syukur beliau ke hadrat Illahi dengan kembalinya anak dan isteri ke pangkuan beliau dan musuh perniagaannya, Dato' Johann Arlington-Majid pula bakal dihadapkan kemuka pengadilan. Dalam majlis tersebut, Muhammad Taufik meluahkan isi hatinya terhadap Nurul Hafsa dan menyampaikan hasratnya untuk menghantar rombongan lamaran ke kediaman orang tua Nurul Hafsa.

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang anda kaji, huraikan satu persoalan tanggungjawab bagi setiap novel.

[8 markah]

PANTAI KASIH & BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin dan novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop.

Persoalan tanggungjawab dalam novel Pantai Kasih ialah persoalan tanggungjawab masyarakat dalam menyelesaikan masalah pemuda kurang siuman yang mencerooboh masuk ke Pusat Rawatan Pantai Kasih. Ibu Unong Siron bertanggungjawab menawarkan diri untuk memujuk pemuda yang kurang siuman apabila Felicia Landosi telah ditahan oleh seorang penceroboh yang menyamar sebagai doktor di bilik bedah. Secara kebetulan, pemuda itu tinggal bersebelahan dengan rumah Unong Siron. Ibu Unong Siron telah berjaya memujuk pemuda itu dengan memberikan segelas susu yang sudah dicampur dengan sedikit ubat penenang.

Persoalan tanggungjawab dalam novel Bimasakti Menari ialah persoalan tanggungjawab anak muda untuk memastikan populasi kelip-kelip di kawasan sungai tidak pupus. Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik bertanggungjawab untuk memastikan peningkatan populasi kelip-kelip di Kampung Kuantan. Dalam melaksanakan misi tersebut, mereka telah diculik oleh penculik upahan Dato' Johann Arlington-Majid yang telah menentang projek Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor. Walaupun menghadapi pelbagai rintangan, namun atas dasar tanggungjawab mereka maka akhirnya projek mengusahakan populasi kelip-kelip berjaya.

- (a) Jelaskan dua contoh peristiwa yang menimbulkan kesedaran kepada pembaca yang terdapat dalam sebuah novel yang anda pelajari.

[7 markah]

PANTAI KASIH

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat banyak peristiwa yang menimbulkan kesedaran pembaca dalam novel ini.

Peristiwa yang pertama ialah peristiwa Doktor Raiha bertegas tidak mahu menggugurkan kandungannya walaupun telah dipaksa oleh suaminya. Doktor Raiha telah dipaksa oleh Doktor Sadiz untuk menggugurkan kandungannya setelah mendapati janin dalam kandungannya cacat melalui ujian ultrabunyi. Doktor Sadiz tidak menerima kelahiran bayinya yang cacat disebabkan statusnya sebagai pakar perunding pembedahan yang terkenal. Keengganan Doktor Raiha mematuhi kehendak Doktor Sadiz menyebabkan hubungan mereka suami isteri semakin tegang sehingga berlaku perceraian. Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca agar tetap menghargai anak-anak kurang upaya kerana anak itu merupakan anugerah Allah.

Peristiwa yang kedua ialah peristiwa Doktor Raiha begitu tabah menerima pelbagai dugaan yang berlaku dalam hidupnya. Ketabahan Raiha bermula dengan gangguan peristiwa hitam keruntuhan rumah tangganya. Walaupun dia dijadikan bahan tontonan sewaktu kes perbicaraan tersebut mendapat liputan media dan dia gagal dalam kes tersebut, namun dia meneruskan kehidupan dengan tabah. Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca agar sentiasa tabah menghadapi pelbagai dugaan dalam kehidupan.

BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat banyak peristiwa yang menimbulkan kesedaran pembaca dalam novel ini.

Peristiwa yang pertama ialah peristiwa Puan Wickham telah berkirim salam dengan Tan Sri Muhaimin dan memasak untuk mereka bertiga sebelum pulang mengikut rombongannya walaupun telah bercerai dengan Tan Sri Muhaimin. Maryam Wickham telah bertemu dengan Muhammad Taufik ketika membawa rombongan sekumpulan kanak-kanak dari Sekolah Rendah Kichihimahigashi, Hiroshima. Semasa menginap di rumah anaknya itu, Maryam Wickham sempat memasak sayur campur goreng, sambal ikan bilis dan sup ayam sebelum meninggalkan Muhammad Taufik. Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca tentang kasih sayang seorang ibu terhadap anak walaupun telah berpisah dengan suami.

Peristiwa yang kedua ialah peristiwa Muhammad Taufik yang tabah meneruskan kehidupan akibat perceraian Maryam Wickham dan Tan Sri Muhaimin. Muhammad Taufik telah berpindah sekolah di Otago, New Zealand mengikut Maryam Wickham setelah ibunya bercerai dengan Tan Sri Muhaimin. Muhammad Taufik meneruskan pendidikan di negara itu sehingga peringkat sarjana sebelum berhenti belajar dan kembali ke Malaysia. Muhammad Taufik hanya berjumpa sekali-sekala dengan ibunya. Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca agar tabah menghadapi kehidupan akibat perceraian ibu bapa.

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang anda kaji, huraikan satu pengajaran kegigihan bagi setiap novel yang pada pendapat anda dapat dijadikan panduan hidup.
[8 markah]

PANTAI KASIH & BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin dan novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat banyak pengajaran kegigihan yang boleh dijadikan panduan hidup dalam kedua-dua buah novel.

Pengajaran kegigihan dalam novel Pantai Kasih ialah kita mestilah gigih mencapai cita-cita untuk menjadi seorang doktor. Raiha tetap gigih dan belajar dengan tekun untuk mencapai cita-citanya sebagai pakar bedah walaupun mendapat tentangan daripada ayahnya. Bagi ayahnya, kerjaya sebagai doktor bedah tidak sesuai untuk wanita kerana memerlukan penelitian dalam menjalankan tugas. Kegigihan Doktor Raiha mengejar cita-cita boleh dijadikan panduan oleh pembaca agar turut gigih mencapai cita-cita yang diimpikan.

Pengajaran kegigihan dalam novel Bimasakti Menari ialah kita haruslah gigih mendapatkan sokongan kerajaan agar projek yang dirancang berjaya dilaksanakan. Nurul Hafsa gigih mendapatkan sokongan pihak kerajaan terhadap projek Kawasan Simpan Langit Gelap yang pertama di Asia Tenggara. Nurul Hafsa membentangkan rancangan projek Kawasan Simpan Langit Gelap di hadapan Menteri Besar. Hasil kegigihan mereka, Menteri Besar menyokong projek tersebut dan berharap agar kontraktor yang dipilih mampu menyediakan lampu seperti yang dikehendaki. Kegigihan Nurul Hafsa merealisasikan impiannya boleh dijadikan panduan oleh pembaca agar turut gigih menggapai impian masing-masing.

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, jelaskan dua latar tempat dan peristiwa yang berlaku bagi setiap latar tempat tersebut.

[7 markah]

PANTAI KASIH

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat banyak latar tempat dalam novel ini.

Latar tempat yang pertama adalah di Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK). Doktor Raiha telah melakukan pembedahan terhadap Doktor Uwang yang cedera akibat kemalangan dilakukan di PRPK. Kereta Doktor Uwang telah terbabas dan melanggar tembok garaj PRPK. Doktor Uwang yang terhimpit dalam keretanya dibawa ke bilik rawatan kecemasan. Doktor Uwang telah menjalani operasi penggantian sendi pada anggota tubuhnya yang rosak. Akibat kemalangan tersebut, lutut dan sebelah pergelangan tangannya hancur.

Latar tempat yang kedua adalah di mahkamah keluarga. Di sinilah tempat berlakunya perbicaraan kes keluarga antara Doktor Sadiz dan Doktor Raiha berkaitan punca kematian Ayu berlaku di mahkamah keluarga. Di sini jugalah tempat Doktor Sadiz menyatakan bahawa Doktor Raiha akan digantung tanpa bertali sampai bila-bila. Doktor Raiha sedih kerana kemenangan berpihak kepada Doktor Sadiz apabila saksi tidak hadir.

BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat banyak latar tempat dalam novel ini.

Latar tempat yang pertama adalah di Kampung Kuantan. Hafsa pergi ke Kampung Kuantan bersama-sama ayahnya, Haji Yassir. Nurul Hafsa kecewa apabila impiannya untuk melihat banyak kelip-kelip tidak kesampaian. Setelah menunggu beberapa lama, barulah kelihatan beberapa ekor kelip-kelip muncul. Akhirnya, Nurul Hafsa menerima kenyataan bahawa impiannya untuk melihat kerlipan kelip-kelip secara sinkronasi tidak akan tercapai.

Latar tempat yang kedua adalah di Perpustakaan Awam Sultan Salahuddin, Kuala Selangor. Di sinilah tempat Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman berbincang tentang rancangan membuat projek Kawasan Simpan Langit Gelap dan pada waktu yang sama Budiman menyiapkan tugasannya untuk ijazah sarjana.

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang anda telah kaji, huraikan satu persoalan kasih sayang yang terdapat dalam setiap novel.

[8 markah]

PANTAI KASIH & BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin dan novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop.

Dalam novel Pantai Kasih, terdapat persoalan kasih sayang bapa terhadap anak. Ayah Doktor Raiha menyayanginya apabila dia menasihati Doktor Raiha supaya tidak memilih Doktor Sadiz sebagai suaminya kerana Doktor Sadiz merupakan seorang yang angkuh dan telah berumur. Raiha yang tetap berdegil dengan keputusannya telah menerima lamaran Doktor Sadiz seorang Pakar Perunding Pembedahan yang merupakan seorang duda beranak dua yang usianya lebih tua daripada usia bapa Raiha. Ayah Doktor Raiha mengingatkan Doktor Raiha agar tidak menyesal dengan keputusan yang dibuatnya nanti.

Persoalan kasih sayang dalam novel Bimasakti Menari ialah persoalan kasih sayang ibu terhadap anak. Maryam Wickham Abdullah begitu menyayangi anaknya, Muhammad Taufik. Maryam Wickham meluahkan perasaan sayang dan rindunya kepada Muhammad Taufik semasa dia datang ke rumah Muhammad Taufik. Maryam Wickham juga mengambil berat tentang projek Ikhtiar Teknoalam yang diusahakan oleh anaknya. Ikhtiar Teknoalam ialah sebuah projek pembinaan rumah mesra alam untuk tujuan komersial yang sedang diusahakan oleh Muhammad Taufik. Walaupun dipisahkan oleh benua dan lautan, Maryam Wickham dan Muhammad Taufik mempunyai minat yang sama.

- (a) Unsur saspens dapat menarik minat pembaca untuk meneruskan pembacaan novel.
Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan dua teknik saspens yang terdapat dalam novel tersebut.
- [7 markah]

PANTAI KASIH

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin.

Pengarang menggunakan teknik saspens ketika naluri Doktor Raiha menyatakan bahawa ada sesuatu yang tidak kena pada filem sinar-X pesakit bernama Unong Siron yang menghadapi komplikasi berulang kali sedangkan lima pembedahan terdahulu dilakukan oleh Doktor Uwang sendiri. Pembaca berasa saspens atau tertanya-tanya siapa sebenarnya pesakit bernama Unong Siron dan sebab dia terpaksa dibedah sebanyak enam kali di tempat yang sama.

Teknik saspens yang kedua adalah pada ketika Felicia Landosi ditahan oleh penceroboh yang menyamar sebagai doktor di Pusat Rawatan Pantai Kasih sehingga mencetuskan rasa panik dalam kalangan kakitangan pusat rawatan tersebut. Pembaca tertanya-tanya nasib yang akan menimpa Felicia apabila menjadi orang tahanan doktor palsu memandangkan pada masa itu dia juga berada dalam keadaan khayal akibat minum ubat batuk berlebihan.

BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop.

Pengarang menggunakan teknik saspens apabila pengemudi bot sukar memenuhi permintaan Nurul Hafsa yang gagal melihat kerlipan kelip-kelip secara sinkronasi agar mereka menyusur cabang sungai dan mendekati mulut anak sungai yang gelap milik individu serta menjadi kawasan larangan. Pembaca berasa saspens atau tertanya-tanya akan sebab pengemudi bot tidak mahu mendekati anak sungai dan rahsia di sebalik mulut anak sungai yang gelap serta penuh misteri itu.

Teknik saspens yang kedua adalah apabila Muhammad Taufik menerima hadiah berupa jambangan bunga yang disangkannya daripada Nurul Hafsa. Namun, apabila melihat hadiah tersebut yang diikat dengan sehelai kain selendang berhias manik-manik kristal milik Nurul Hafsa, muka Muhammad Taufik menjadi pucat kerana Nurul Hafsa tentu dalam bahaya. Pembaca tertanya-tanya keadaan keselamatan dan lokasi Nurul Hafsa pada masa itu serta tindakan yang akan diambil oleh Muhammad Taufik.

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan satu pengajaran berkaitan kasih sayang yang terdapat dalam setiap novel tersebut.

[8 markah]

PANTAI KASIH & BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin dan novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop.

Pengajaran berkaitan kasih sayang dalam novel Pantai Kasih ialah kita perlulah menyayangi anak-anak agar mereka tidak tersalah membuat keputusan. Ayah Doktor Raiha menyayanginya apabila dia menasihati Doktor Raiha supaya tidak memilih Doktor Sadiz sebagai suaminya kerana Doktor Sadiz merupakan seorang yang angkuh dan telah berumur. Raiha yang tetap berdegil dengan keputusannya telah menerima lamaran Doktor Sadiz seorang Pakar Perunding Pembedahan yang merupakan seorang duda beranak dua yang usianya lebih tua daripada usia bapa Raiha. Ayah Doktor Raiha mengingatkan Doktor Raiha agar tidak menyesal dengan keputusan yang dibuatnya nanti.

Pengajaran berkaitan kasih sayang dalam novel Bimasakti Menari ialah kita haruslah menyayangi anak walaupun telah berpisah dengan pasangan. Maryam Wickham Abdullah begitu menyayangi anaknya, Muhammad Taufik. Maryam Wickham meluahkan perasaan sayang dan rindunya kepada Muhammad Taufik semasa dia datang ke rumah Muhammad Taufik. Maryam Wickham juga mengambil berat tentang projek Ikhtiar Teknoalam yang diusahakan oleh anaknya. Ikhtiar Teknoalam ialah sebuah projek pembinaan rumah mesra alam untuk tujuan komersial yang sedang diusahakan oleh Muhammad Taufik. Walaupun dipisahkan oleh benua dan lautan, Maryam Wickham dan Muhammad Taufik mempunyai minat yang sama.

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, jelaskan dua peristiwa tentang keberanian watak utama yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 markah]

PANTAI KASIH

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Watak utama dalam novel ialah Doktor Raiha. Terdapat beberapa peristiwa tentang keberanian Doktor Raiha dalam novel ini.

Peristiwa yang pertama ialah peristiwa keberanian Doktor Raiha mempertikaikan kegagalan pembedahan yang telah dijalankan oleh Doktor Uwang. Doktor Raiha berani mempertikaikan kegagalan majikannya, Doktor Uwang dalam menjalankan pembedahan terhadap Unong Siron sehingga pesakit itu dibedah sebanyak 6 kali. Pada pandangan mata kasar, memang tiada yang aneh berlaku terhadap Unong Siron namun naluri Doktor Raiha memberitahu bahawa ada sesuatu yang tidak kena pada sinar-X Unong Siron. Doktor Raiha cuba meluahkan perasaan tentang masalah tersebut kepada Doktor Uwang. Hal ini menyebabkan Doktor Uwang berasa terpukul apabila pembedahannya terhadap Unong Siron dipertikaikan oleh Doktor Raiha.

Selain itu, terdapat juga peristiwa keberanian Doktor Raiha mengingkari kehendak Doktor Sadiz. Doktor Raiha berani mengingkari kehendak Doktor Sadiz yang mahu dia menggugurkan kandungannya setelah mengetahui janin dalam kandungannya cacat. Doktor Sadiz juga berkeras bahawa dia tidak menerima kelahiran bayinya yang cacat disebabkan statusnya sebagai pakar perunding pembedahan yang terkenal. Doktor Sadiz berusaha untuk menghantar anaknya itu ke Pusat Rawatan Khas bagi kanak-kanak yang menghidap sindrom down. Namun, usahanya itu tidak dapat diteruskan apabila Rohayu binti Doktor Sadiz meninggal dunia.

BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Watak utama dalam novel ini ialah Nurul Hafsa.

Peristiwa yang pertama ialah peristiwa keberanian Nurul Hafsa bertemu dengan dengan Puan Foziah, pegawai atasan Pejabat Majlis Daerah Kuala Selangor berkenaan laporan tahap kecerahan langit Kuala Selangor. Nurul Hafsa berusaha menyediakan laporan tentang tahap kecerahan langit di Kuala selangor namun tidak mendapat kerjasama daripada pegawai atasan sebaliknya Nurul Hafsa dinasihati agar tidak mengharapkan sebarang tindakan kerana tiada undang-undang alam sekitar yang telah dilanggar di Kuala Selangor.

Peristiwa keberanian yang kedua ialah peristiwa keberanian Nurul Hafsa mengemukakan cadangan dan pandangan. Nurul Hafsa berani membuat pembentangan dan cadangan projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor di hadapan menteri besar, ahli akademik, ahli perniagaan dan orang awam di bangunan SUK Shah Alam. Walaupun cadangannya menerima bantahan daripada Dato' Johann Arlington-Majid, namun dia tetap meneruskan pembentangan tersebut.

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang telah anda pelajari, huraikan satu latar tempat yang terdapat dalam novel setiap novel.

[8 markah]

PANTAI KASIH & BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin dan novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop.

Latar tempat yang terdapat dalam novel Pantai Kasih adalah di apartment mewah Doktor Raiha. Doktor Raiha pulang ke apartment mewahnya setelah penat menjalankan pembedahan penggantian sendi pinggul ke atas Unong Siron. Doktor Raiha teringat kembali ketika dia meneliti sinar-X Unong Siron. Doktor Raiha mencari-cari punca yang mungkin menyebabkan Unong Siron terpaksa melalui enam kali pembedahan yang sama pada bahagian tubuh yang sama. Doktor Raiha terfikir akan kesilapan yang dilakukan oleh Doktor Uwang sehingga menyebabkan berlakunya infeksi terhadap Unong Siron.

Latar tempat yang terdapat dalam novel Bimasakti Menari pula adalah di bilik mesyuarat Pejabat Daerah Kuala Selangor. Nurul Hafsa membentangkan hal berkaitan dengan pencemaran alam sekitar serta impaknya terhadap langit dan populasi kelip-kelip di dalam bilik mesyuarat Pejabat Daerah Kuala Selangor. Dato' Haji Mustofa al-Hamidi selaku Pegawai Daerah Kuala Selangor mahu akan kepastian daripada Nurul Hafsa sama ada Kuala Selangor perlu menjadi tempat yang gelap. Nurul Hafsa telah menjelaskan bahawa penduduk perlu menggunakan sumber cahaya pada tahap minimum kerana pencemaran cahaya boleh dikawal dan tidak sukar seperti pengawalan pencemaran udara, air atau tanah. Nurul Hafsa mencadangkan agar cahaya lampu jalan atau kaki lima tidaklah terlalu terang sehingga menerangi seluruh bandar.

- (a) Klimaks merupakan bahagian plot yang paling penting dalam sesebuah cerita. Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan dua peristiwa yang membawa kepada klimaks dalam novel tersebut.

[7 markah]

PANTAI KASIH

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin.

Peristiwa yang membawa kepada klimaks yang pertama ialah peristiwa Sister Felicia Landosi ditahan oleh penceroboh yang menyamar sebagai doktor di bilik bedah. Keadaan menjadi huru-hara dengan kejadian ini. Ibu Unong Siron menawarkan diri untuk menenangkan penceroboh kerana dia kenal penceroboh yang tinggal bersebelahan dengan kampungnya. Ibu Unong Siron meminta penceroboh yang menyamar sebagai doktor itu membantu menyelamatkan anaknya yang parah. Hati penceroboh itu tersentuh dan membuka pintu kecemasan. Pengawal keselamatan meluru masuk ke dalam bilik tersebut tetapi dihalangi oleh Raiha yang menyatakan bahawa Unong Siron begitu parah dan dibawa ke hospital lain untuk mendapatkan rawatan dan meminta penceroboh itu ke hospital tersebut.

Peristiwa yang membawa kepada klimaks yang kedua ialah peristiwa Doktor Uwang yang teringat saat dia menghantar Doktor Sadiz dan Felicia Landosi pulang selepas menghadiri majlis sempena menyambut ketibaan tahun baru. Doktor Sadiz yang marah apabila mendapati Raiha membawa pulang kereta Porsche bersama-sama anak perempuannya. Dia juga teringat ketika membawa Doktor Sadiz untuk membeli minyak petrol selepas itu dan berhenti di sebuah rumah tumpangan pada tengah malam dan teringat saat kereta Porsche itu dijilat api tidak lama kemudian sehingga menyambar kanak-kanak perempuan yang secara kebetulan berada di situ.

BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop.

Peristiwa yang membawa kepada klimaks yang pertama ialah peristiwa Datuk Johann Arlington-Majid yang hadir dalam sesi pembentangan terbuka projek yang diusahakan Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik. Namun kehadirannya bukan untuk memberi sokongan malah untuk mengganggu dan membuat kecoh pada hari itu. Nurul Hafsa dengan ditemani Muhammad Taufik di sisinya telah membentangkan projek tersebut kepada tetamu yang hadir. Segala sanggahan daripada Datuk Johann Arlington-Majid telah berjaya dibidas dan Menteri Besar sentiasa menyokong pandangan dan hujahannya. Pembentangan pada hari tersebut banyak berkisar tentang jenis penggunaan lampu dan pencahayaan yang sesuai. Menteri Besar turut menegur sikap buruk Datuk Johann dalam majlis tersebut.

Pada akhir pembentangan Menteri Besar mengumumkan bahawa pihak kerajaan negeri akan mengiklankan tender dalam masa terdekat. Datuk Johann yang sentiasa bergelumang dengan dendam kesumat dalam diam mengatur rancangan untuk mengupah tiga orang tonto bagi menyasat pergerakan Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik bagi memastikan mereka tidak dapat melaksanakan projek tersebut.

Peristiwa yang membawa klimaks yang kedua ialah peristiwa Muhammad Taufik dcederakan oleh beberapa orang lelaki. Budiman dan Nurul Hafsa menerima berita bahawa Muhammad Taufik ditimpa kemalangan. Mereka terus pergi mencari Muhammad Taufik dan bertemu dengannya dalam rimbunan lalang dengan bajunya dibasahi darah di bahagian rusuk. Nurul Hafsa segera menelefon ambulans dan Taufik dibawa ke Hospital Besar Tanjung Karang. Menurut siasatan awal, polis memberitahu bahawa walaupun penyerang mengambil barang-barang berharga milik Muhammad Taufik, namun mereka meninggalkan telefon bimbitnya sebagai suatu mesej peribadi penjenayah kepada mangsa.

- (b) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, jelaskan dua peristiwa yang menggambarkan nilai baik hati dalam novel tersebut.

[8 markah]

PANTAI KASIH & BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin dan novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop.

Peristiwa nilai baik hati dalam novel Pantai Kasih ialah peristiwa ibu Unong Siron yang baik hati dengan membantu kakitangan PRPK menangkap penceroboh. Ibu Unong Siron berjaya memujuk pemuda yang menyamar sebagai doktor. Pemuda yang berlagak sebagai doktor tersebut memegang pisau bedah yang dihunuskan di dada Felicia Landosi. Walaupun Felicia Landosi tidak melayannya dengan baik namun ibu Unong Siron tetap membantunya. Akhirnya, pemuda yang kurang siuman itu berjaya dipujuk oleh ibu Unong Siron. Pemuda itu telah dihantar ke hospital sakit jiwa untuk menerima rawatan lanjut.

Peristiwa nilai baik hati dalam novel Bimasakti Menari ialah peristiwa Budiman yang baik hati apabila dia bergegas ke tempat Muhammad Taufik sebaik sahaja menerima panggilan daripadanya. Budiman terus merangkul Muhammad Taufik sebaik sahaja menemui rakannya itu yang sedang terbaring dalam rimbunan lalang. Budiman menenangkan Muhammad Taufik dengan memberikan kata-kata semangat agar sahabatnya itu bersabar sedangkan dia sendiri pucat lesi melihat kecederaan yang dialami oleh sahabatnya itu. Muhammad Taufik dibawa ke Hospital Besar Tanjung Karang dengan ambulans untuk menerima rawatan.

- (a) Jelaskan dua persoalan yang terdapat dalam sebuah novel yang anda pelajari.
[7 markah]

PANTAI KASIH

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin.

Persoalan yang pertama ialah persoalan sikap mementingkan diri sendiri. Doktor Uwang bersikap mementingkan diri sendiri apabila dia tidak menghiraukan kesusahan pesakitnya, Unong Siron asalkan berkemampuan mendapatkan rawatan. Doktor Uwang bersikap mementingkan diri sendiri apabila dia sanggup menghantar anak perempuan tunggalnya ke sekolah berasrama seawal usia 7 tahun agar tidak mengganggu rutin dan statusnya. Apatah lagi anak tersebut adalah hasil keterlanjurannya sedangkan dia memang tidak menginginkan anak apabila berumah tangga.

Persoalan yang kedua ialah persoalan kebijaksanaan memajukan Pusat Rawatan Pantai Kasih. Doktor Uwang bijak memajukan Pusat Rawatan Pantai Kasih yang dulunya hanyalah merupakan sebuah klinik sebesar kandang penyembelihan kambing. Selepas dimajukan, Pusat Rawatan Pantai Kasih menjadi pusat rawatan yang eksklusif dan tersohor. Kecekapan pengurusan dan pentadbiran Doktor Uwang telah membuahakan kejayaan dan perkembangan positif pusat rawatan itu.

BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop.

Persoalan yang pertama ialah persoalan tanggungjawab memelihara populasi kelip-kelip. Muhammad Taufik bertanggungjawab apabila dia memagar sebahagian daripada sungai Selangor untuk memelihara populasi kelip-kelip. Muhammad Taufik telah meminta ayahnya membelikan tanah yang menyusuri tepi anak sungai di Kampung Kuantan terus ke Kampung Api-api yang berkeluasan 50 hektar. Dia berbuat demikian setelah mendapati populasi kelip-kelip di Kampung Kuantan semakin berkurangan akibat kehadiran pelancong yang ramai, bunyi enjin motobot, cahaya lampu di jeti, pencemaran air sungai, pemusnahan kawasan paya bakau, cahaya dari kawasan petempatan manusia dan cahaya roda ferris yang semuanya membawa ancaman kepada populasi kelip-kelip.

Persoalan yang kedua ialah persoalan kasih sayang anak terhadap ibu yang tidak tinggal bersamanya. Muhammad Taufik amat menyayangi keluarganya dan dia tidak pernah sangsi akan kasih sayang yang diterima daripada kedua-dua ibu bapanya walaupun mereka telah berpisah. Muhammad Taufik bersyukur apabila ibunya, Maryam Wickham datang ke Malaysia walaupun seketika. Muhammad Taufik akan menghabiskan setiap detik yang ada untuk berbual-bual dengan ibunya itu. Bagi Muhammad Taufik, dia percaya bahawa kasih sayang, darah dan daging, jiwa dan minda tidak mengenal sempadan tempat dan zon masa.

- (b) Unsur saspens digunakan dalam novel untuk menarik perhatian pembaca. Jelaskan satu unsur saspens yang terdapat dalam dua buah novel yang anda kaji.

[8 markah]

PANTAI KASIH & BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin dan novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop.

Peristiwa yang menimbulkan unsur saspens dalam novel Pantai Kasih ialah peristiwa punca kematian anak perempuan Raiha iaitu Rohayu binti Sadiz. Pada pendapat saya peristiwa ini menimbulkan unsur saspens kerana pembaca tidak mendapat gambaran jelas tentang punca kematian anak perempuan Raiha. Gambaran yang tidak jelas ini menimbulkan perasaan ingin tahu pembaca terhadap kejadian sebenar yang berlaku. Pembaca berasa lega dan begitu juga dengan Doktor Raiha apabila pada akhir cerita Felicia telah mengaku dan menceritakan situasi sebenar kematian anak Raiha itu. Felicia menceritakan penglibatan dirinya yang dijadikan budak suruhan untuk membeli minyak petrol oleh Doktor Sadiz. Doktor Sadiz telah membakar kereta Porsche miliknya kerana geram dan marah dengan tindakan Doktor Raiha yang melarikan anaknya dengan menggunakan kereta tersebut. Tiba-tiba Ayu muncul dan langsung disambar oleh api yang marak. Felicia meminta maaf kerana tidak muncul sewaktu perbincangan antara Doktor Sadiz dan Doktor Raiha kerana takut. Baharulah pembaca mengetahui kedudukan sebenar punca kematian anak Raiha.

Dalam novel Bimasakti Menari pula, unsur saspens dapat dilihat melalui peristiwa Nurul Hafsa ingin berjumpa dengan “lelaki kelip-kelip” . Pada pendapat saya, peristiwa ini menimbulkan unsur saspens kerana menimbulkan perasaan ingin tahu pembaca tentang impian Nurul Hafsa untuk bertemu dengan “lelaki kelip-kelip” yang juga pemilik tanah persendirian di tepi sungai Kuala Selangor. Nurul Hafsa telah meminta bantuan abangnya, Budiman untuk bertemu dengan “lelaki kelip-kelip”. Peristiwa ini menarik pembaca untuk meneruskan pembacaan bagi mengetahui identiti “lelaki kelip-kelip” tersebut. Setelah meneruskan pembacaan, pembaca mendapati bahawa “lelaki kelip-kelip” itu ialah Muhammad Taufik iaitu rakan persekolahan Nurul Hafsa ketika mereka belajar di Sekolah Kebangsaan Tanjong Keramat.

- (a) Jelaskan dua peristiwa yang dapat menimbulkan kesedaran kepada pembaca dalam sebuah novel yang telah anda kaji dan berikan sebab-sebab anda berpendapat demikian.

[7 markah]

PANTAI KASIH

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Peristiwa yang menimbulkan kesedaran ialah peristiwa Doktor Raiha bertegas tidak mahu menggugurkan kandungannya walaupun telah dipaksa oleh suaminya. Doktor Raiha telah dipaksa oleh Doktor Sadiz untuk menggugurkan kandungannya setelah mendapati janin dalam kandungannya cacat melalui ujian ultrabunyi. Doktor Sadiz tidak menerima kelahiran bayinya yang cacat disebabkan statusnya sebagai pakar perunding pembedahan yang terkenal. Keengganan Doktor Raiha mematuhi kehendak Doktor Sadiz menyebabkan hubungan mereka suami isteri semakin tegang sehingga berlaku perceraian. Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca agar tetap menghargai anak-anak kurang upaya kerana anak itu merupakan anugerah Allah.

Peristiwa yang kedua menimbulkan kesedaran ialah peristiwa Doktor Raiha begitu tabah menerima pelbagai dugaan yang berlaku dalam hidupnya. Ketabahan Raiha bermula dengan gangguan peristiwa hitam keruntuhan rumah tangganya. Walaupun dia dijadikan bahan tontonan sewaktu kes perbicaraan tersebut mendapat liputan media dan dia gagal dalam kes tersebut, namun dia meneruskan kehidupan dengan tabah. Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca agar sentiasa tabah menghadapi pelbagai dugaan dalam kehidupan.

BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat banyak peristiwa yang menimbulkan kesedaran pembaca dalam novel ini.

Peristiwa yang pertama ialah peristiwa Puan Wickham telah berkirim salam dengan Tan Sri Muhaimin dan memasak untuk mereka bertiga sebelum pulang mengikut rombongannya walaupun telah bercerai dengan Tan Sri Muhaimin. Maryam Wickham telah bertemu dengan Muhammad Taufik ketika membawa rombongan sekumpulan kanak-kanak dari Sekolah Rendah Kichihimahigashi, Hiroshima. Semasa menginap di rumah anaknya itu, Maryam Wickham sempat memasak sayur campur goreng, sambal ikan bilis dan sup ayam sebelum meninggalkan Muhammad Taufik. Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca tentang kasih sayang seorang ibu terhadap anak walaupun telah berpisah dengan suami.

Peristiwa yang kedua ialah peristiwa Muhammad Taufik yang tabah meneruskan kehidupan akibat perceraian Maryam Wickham dan Tan Sri Muhaimin. Muhammad Taufik telah berpindah sekolah di Otago, New Zealand mengikut Maryam Wickham setelah ibunya bercerai dengan Tan Sri Muhaimin. Muhammad Taufik meneruskan pendidikan di negara itu sehingga peringkat sarjana sebelum berhenti belajar dan kembali ke Malaysia. Muhammad Taufik hanya berjumpa sekali-sekala dengan ibunya. Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca agar tabah menghadapi kehidupan akibat perceraian ibu bapa.

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang telah anda kaji, huraikan satu peristiwa yang memaparkan nilai kebijaksanaan yang terdapat dalam setiap novel.

[8 markah]

PANTAI KASIH & BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin dan novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop.

Peristiwa nilai kebijaksanaan dalam novel Pantai Kasih ialah peristiwa kebijaksanaan Ibu Unong Siron menangani masalah yang berlaku di Pusat Rawatan Pantai Kasih. Ibu Unong Siron telah menawarkan diri untuk memujuk pemuda yang kurang siuman kerana secara kebetulan pemuda itu tinggal bersebelahan dengan rumah Unong Siron. Pemuda kurang siuman tersebut telah menahan Felicia Landosi apabila menyamar sebagai doktor di bilik bedah. Tindakan ibu Unong Siron telah berjaya memujuk pemuda itu dengan memberikan segelas susu yang dicampurkan ubat penenang.

Peristiwa nilai kebijaksanaan dalam novel Bimasakti Menari ialah peristiwa kebijaksanaan Nurul Hafsa menyelesaikan masalah apabila dia mengemukakan hujah kepada pengunjung Balai Cerap Sultan Salahuddin. Pengunjung di balai cerap tersebut yang kecewa kerana tidak dapat melihat buruj Orion sepenuhnya. Nurul Hafsa menyatakan keadaan tersebut berlaku akibat langit di Kuala Selangor yang terlalu cerah berikutan dengan pencemaran cahaya. Nurul Hafsa juga telah berjanji akan memulihkan keadaan seperti sedia kala dengan sedaya upayanya.

- a) Konflik merupakan satu daripada teknik penceritaan yang dapat mengembangkan sesebuah cerita.
Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan dua konflik yang dihadapi oleh watak utamanya.

[7 markah]

PANTAI KASIH

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Watak utama dalam novel ini ialah Doktor Raiha. Terdapat pelbagai konflik yang telah dihadapi oleh Doktor Raiha dalam novel ini.

Konflik yang pertama ialah konflik dengan diri sendiri. Doktor Raiha berkonflik dengan dirinya sendiri apabila dia sentiasa dibayangi dengan peristiwa hitam yang dialaminya. Doktor Raiha tidak dapat melupakan detik hitam dalam kehidupannya apabila sentiasa dibayangi dengan kenangan silam kematian anaknya. Kehidupan sehariannya menjadi tidak ceria disebabkan peristiwa hitam itu. Konflik diri ini menyebabkan Raiha berasa bersalah dengan kematian anaknya itu dan tetap menyalahkan bekas suaminya atas kematian itu.

Konflik yang kedua ialah konflik antara suami dengan isteri. Raiha berkonflik hebat dengan suaminya, Doktor Sadiz yang menuduh Raihalah punca kematian anak perempuannya itu. Sebaliknya Raiha menuduh Doktor Sadizlah yang menyebabkan kematian anaknya itu dan merancang kematian anaknya itu. Konflik itu membawa mereka hingga ke mahkamah dan akhirnya Doktor Sadiz menang dalam perbicaraan kematian anak tunggalnya itu. Doktor Raiha turut berkonflik dengan Doktor Sadiz apabila bekas suaminya itu menuduh Raiha mempunyai hubungan sulit dengan Doktor Uwang. Doktor Sadiz telah bertindak ganas dengan cuba mencederakan Raiha sambil memaksa Raiha menggugurkan janin yang dikandungkannya.

BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Watak utama dalam novel ini ialah Nurul Hafsa. Terdapat pelbagai konflik yang telah dihadapi oleh Nurul Hafsa dalam novel ini.

Konflik yang pertama ialah konflik dengan diri sendiri. Nurul Hafsa berkonflik dengan dirinya sendiri apabila memikirkan kegagalan pengunjung dari Jepun melihat bintang. Murid dan guru pengiring dari Sekolah Rendah Kichihimahigashi, Hiroshima gagal melihat buruj Orion atau buruj Belantik dengan mata kasar kerana langit pada malam tersebut menjadi cerah. Nurul Hafsa runsing dengan situasi tersebut kerana dia baru bermula bertugas di Balai Cerap Sultan Salahuddin, Kuala Selangor. Dia mengakui puncanya kesan negatif akibat pembangunan pesat yang berlaku di Kuala Selangor mengakibatkan pencemaran cahaya.

Konflik yang kedua ialah konflik dengan pegawai atasan . Nurul Hafsa berkonflik dengan Puan Foziah, pegawai atasan Pejabat Majlis Daerah Kuala Selangor berkenaan laporan tahap kecerahan langit Kuala Selangor. Nurul Hafsa berusaha menyediakan laporan tentang tahap kecerahan langit di Kuala Selangor namun tidak mendapat kerjasama daripada pegawai atasan sebaliknya Nurul Hafsa dinasihati agar tidak mengharapkan sebarang tindakan kerana tiada undang-undang alam sekitar yang telah dilanggar di Kuala Selangor.

- (b) Kebijaksanaan pengarang mempersembahkan plot cerita dalam sesebuah novel dapat menimbulkan minat pembaca untuk meneruskan pembacaan mereka. Berdasarkan dua buah novel yang anda kaji, huraikan satu peristiwa yang menunjukkan teknik imbas kembali yang digunakan dalam novel tersebut.
[8 markah]

PANTAI KASIH & BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin dan novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat banyak teknik imbas kembali dalam kedua-dua buah novel.

Teknik imbas kembali dalam novel Pantai Kasih ialah teringat kembali saat kematian bekas suami. Doktor Raiha teringat kembali pertembungan dengan Doktor Sadiz di mahkamah setelah suaminya itu memenangi perbicaraan kerana saksi utama tidak muncul. Doktor Sadiz telah menjelaskan kepada Doktor Raiha bahawa dia akan digantung tanpa bertali sampai bila-bila sebagai balasan kerana menjejaskan status elitnya di khalayak ramai akibat perbicaraan tersebut. Sejurus beredar dari mahkamah keluarga, Doktor Sadiz terlanggar lori tangki minyak yang berhenti di persimpangan lampu isyarat menyebabkan keretanya meletup dan terbakar.

Teknik imbas kembali dalam novel Bimasakti Menari ialah teringat kembali kisah diserang oleh penjahat. Muhammad Taufik teringat kembali kejadian diserang oleh penjahat apabila tayar keretanya pancit akibat stinger sepanjang satu meter yang diletakkan di atas jalan raya. Ketika Muhammad Taufik turun daripada kenderaan, dia dipukul di kepala. Kemudian, mereka memapah Muhammad Taufik dan mengambil dompet serta jam tangannya. Seterusnya, Muhammad Taufik ditinggalkan di rimbunan lalang dan pada ketika itulah dia menghubungi Budiman.

- (a) Huraikan dua peristiwa yang memberikan pedoman yang terdapat dalam sebuah novel yang anda pelajari.

[7 markah]

PANTAI KASIH

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat banyak peristiwa yang memberikan pedoman dalam novel ini.

Peristiwa yang pertama ialah peristiwa ibu Unong Siron menjaga Unong Siron yang terlantar sakit di Pusat Rawatan Pantai Kasih kerana menjalani pembedahan penggantian sendi pinggul kali keenam. Wang pampasan yang diperoleh hampir habis untuk mengubati anaknya yang sakit. Peristiwa ini memberikan pedoman supaya kita sentiasa menyayangi anak-anak dengan menjaga kesihatan mereka.

Peristiwa yang kedua ialah peristiwa Doktor Muhammad dedikasi dalam menjalankan tugasnya apabila dia sanggup datang bertugas semula apabila dia menerima on call pada suatu malam. Doktor Muhammad terpaksa dipanggil bertugas kerana terdapat kes kelahiran pramatang seorang bayi yang belum cukup masa dan menghadapi kesukaran bernafas. Peristiwa ini memberikan pedoman supaya kita sentiasa berdedikasi menjalankan tugas yang telah dipertanggungjawabkan dalam apa-apa jua keadaan.

BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat banyak peristiwa yang memberikan pedoman dalam novel ini.

Peristiwa yang pertama ialah peristiwa kegigihan Nurul Hafsa dan Budiman mencari dan mengumpul data-data tentang kepupusan kelip-kelip di Kampung Kuantan, Kuala Selangor. Nurul Hafsa dan Budiman duduk di jeti menunggu kumpulan kelip-kelip. Kerja-kerja mencerap populasi kelip-kelip terhenti selama seminggu kerana Muhammad Taufik dimasukkan ke hospital. Sebagai menunaikan janji serta menjaga integriti data yang akan dipersembahkan dalam kerja-kerja mereka pada masa depan, Budiman dan Nurul Hafsa terpaksa melakukan pengumpulan data tanpa Muhammad Taufik. Mereka perlu mengambil foto setiap kali ternampak kelip-kelip dalam masa 10 minit mereka duduk di jeti tersebut. Mereka pulang selewat-lewatnya pada pukul 10.00 malam. Peristiwa ini memberikan pedoman agar kita gigih melakukan sesuatu tugas untuk mendapatkan bukti-bukti yang sah.

Peristiwa yang kedua ialah peristiwa Tan Sri Muhaimin terus membesarkan anaknya Muhammad Taufik dengan baik dan penuh kasih sayang walaupun telah berpisah dan bercerai dengan isterinya, iaitu Puan Mariam Wickham. Segala keperluan anaknya dipenuhi dengan sebaik-baiknya supaya anaknya dapat kasih sayang yang secukupnya. Peristiwa ini memberikan pedoman supaya kita menyayangi anak-anak dengan memberikan kasih sayang yang secukupnya kepada mereka.

- (b) Dalam setiap novel, konflik yang wujud mampu menjadikan novel menjadi menarik. Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan satu peristiwa yang menggambarkan konflik antara watak dan cara penyelesaiannya.

[8 markah]

PANTAI KASIH & BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin dan novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat pelbagai peristiwa yang menggambarkan konflik antara watak dan cara penyelesaiannya dalam kedua-dua buah novel.

Peristiwa yang menggambarkan konflik antara watak dalam novel Pantai Kasih ialah peristiwa Doktor Raiha berkonflik dengan Felicia Landosi apabila Felicia melayan ibu Unong Siron dengan kasar. Doktor Raiha juga amat marah dengan sikap sambalewa Felicia ketika operasi pembedahan Unong Siron sedang dijalankan. Felicia telah menghulurkan alat bedah yang salah ketika dia menjadi pembantu perubatan semasa operasi pembedahan penggantian sendi pinggul Unong Siron. Konflik antara mereka berdua ini diselesaikan apabila Doktor Raiha memanggil Felicia ke bilik pejabatnya untuk mengetahui sebab-sebab Felicia memberikan layanan yang kasar terhadap ibu Unong Siron.

Peristiwa yang menggambarkan konflik antara watak dalam novel Bimasakti Menari ialah peristiwa Nurul Hafsa yang berusaha untuk menjadikan Kuala Selangor Kawasan Simpan Langit Gelap mendapat tentangan hebat daripada Dato' Johann Arlington-Majid. Dato' Johann mengupah tiga orang tonto untuk menyiasat pergerakan Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik. Muhammad Taufik telah dcederakan dan dirawat di hospital. Selepas itu, Nurul dan Muhammad Taufik diculik oleh penjahat. Konflik ini dapat diselesaikan oleh Nurul Hafsa apabila dia tetap bersabar dengan dugaan tersebut. Selain itu, ujian yang datang tidak sedikit pun mematahkan semangatnya untuk terus berusaha dengan gigih bagi menjayakan projek yang telah dirancang bersama Muhammad Taufik.

- a) Salah satu persoalan yang terdapat dalam novel yang anda kaji ialah persoalan kasih sayang.
Jelaskan dua peristiwa yang menggambarkan persoalan kasih sayang dalam sebuah novel yang anda pelajari.

[7 markah]

PANTAI KASIH

Novel yang saya kaji ialah Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat banyak peristiwa yang menggambarkan persoalan kasih sayang dalam novel ini.

Peristiwa yang pertama ialah peristiwa kasih sayang Doktor Raiha terhadap anaknya, Rohayu walaupun anaknya itu cacat sebelum dilahirkan lagi. Doktor Raiha enggan mengikut kehendak Doktor Sadiz yang memintanya menggugurkan kandungan. Baginya, Rohayu mempunyai hak untuk lahir dan mendapatkan kasih sayangnya. Doktor Raiha banyak menghabiskan masa melayani Rohayu berbanding bekas suaminya, Doktor Sadiz selepas Rohayu dilahirkan. Doktor Sadiz mengharapkan agar anaknya itu dihantar ke pusat penjagaan jauh dari tempat mereka bagi mengelakkan taraf dan kewibawaannya dijadikan bahan perbincangan ramai. Peristiwa di atas berkaitan dengan persoalan kasih sayang ibu kepada anaknya.

Peristiwa kasih sayang yang kedua ialah peristiwa kasih sayang ayah terhadap Doktor Raiha. Ayah Doktor Raiha menyayanginya apabila dia menasihati Doktor Raiha supaya tidak memilih Doktor Sadiz sebagai suaminya kerana Doktor Sadiz merupakan seorang yang angkuh dan telah berumur. Raiha yang tetap berdegil dengan keputusannya telah menerima lamaran Doktor Sadiz seorang Pakar Perunding Pembedahan yang merupakan seorang duda beranak dua yang usianya lebih tua daripada usia bapa Raiha. Ayah Doktor Raiha mengingatkan Doktor Raiha agar tidak menyesal dengan keputusan yang dibuatnya nanti. Peristiwa di atas berkaitan dengan persoalan kasih sayang bapa kepada anaknya.

BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu binti Mohd Yusop. Terdapat banyak peristiwa yang menggambarkan persoalan kasih sayang dalam novel ini.

Peristiwa yang pertama ialah peristiwa kasih sayang Muhammad Taufik terhadap ibu bapanya. Muhammad Taufik tidak pernah sangsi akan kasih sayang yang diterima daripada kedua-dua ibu bapanya walaupun mereka telah berpisah. Muhammad Taufik bersyukur apabila ibunya, Maryam Wickham datang ke Malaysia walaupun seketika. Muhammad Taufik akan menghabiskan setiap detik yang ada untuk berbual-bual dengan ibunya itu. Bagi Muhammad Taufik, dia percaya bahawa kasih sayang, darah dan daging, jiwa dan minda tidak mengenal sempadan tempat dan zon masa.

Peristiwa di atas berkaitan dengan persoalan kasih sayang seorang anak kepada ibu bapanya.

Peristiwa yang kedua ialah peristiwa kasih sayang Maryam Wickham Abdullah terhadap Muhammad Taufik. Maryam Wickham meluahkan perasaan sayang dan rindunya kepada Muhammad Taufik semasa dia datang ke rumah Muhammad Taufik. Maryam Wickham juga mengambil berat tentang projek Ikhtiar Teknoalam yang diusahakan oleh anaknya. Ikhtiar Teknoalam ialah sebuah projek pembinaan rumah mesra alam untuk tujuan komersial yang sedang diusahakan oleh Muhammad Taufik. Walaupun dipisahkan oleh benua dan lautan, Maryam Wickham dan Muhammad Taufik mempunyai minat yang sama.

Peristiwa di atas berkaitan dengan persoalan kasih sayang antara sahabat.

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan satu sikap masyarakat yang sepatutnya dihindari oleh pembaca.

[8 markah]

PANTAI KASIH & BIMASAKTI MENARI

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin dan novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat banyak sikap masyarakat yang sepatutnya dihindari oleh pembaca dalam novel ini.

Sikap masyarakat yang sepatutnya dihindari oleh pembaca dalam novel Pantai Kasih ialah sikap masyarakat yang suka berfoya-foya walaupun sudah berumah tangga. Doktor Uwang mewakili masyarakat yang masih berfoya-foya walaupun sudah berumah tangga. Doktor Uwang seorang yang suka hidup bebas dan tidak mahu dikongkong. Walaupun sudah berumah tangga, namun beliau tetap mengunjungi kelab-kelab malam dan minum arak bersama-sama gadis pelayan dan kemudiannya berakhir ke ranjang. Namun demikian, sikapnya yang memastikan kebersihan setiap 'isteri tidak sah' menjadikan dia seorang yang sangat pemilih dalam mencari teman berhibur.

Dalam novel Bimasakti Menari pula sikap masyarakat yang pendendam juga perlu dihindari oleh pembaca. Dato' Johann Arlington-Majid mendendami Tan Sri Muhaimin kerana lelaki itu mengahwini wanita yang dicintainya iaitu Maryam @ Marion Wickham Abdullah. Perasaan dendam ini semakin membara apabila dia mendapati bahawa Tan Sri Muhaimin memasuki tender menyediakan lampu mesra alam untuk menerangi Kuala Selangor. Dia amat marah kerana tender lampunya terjejas akibat projek baharu tersebut. Dato' Haji Mansor pula memberikan masa yang terhad untuk dia menyediakan lampu yang pencahayaannya mesra alam. Dato'Johann berazam bahawa pada kali ini dia tidak akan tewas lagi dengan Tan Sri Muhaimin.